



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN KELANTAN**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
ENCIK MOHAMMAD KAMARUDIN BIN MAT YUNUS
CIKGU SEKOLAH KEBANGSAAN BELUKAR
KELANTAN DARUL NAIM**

OLEH:

MARLISA SAZIELA BINTI MANSOR	2017275958
NURUL NAZURAH BINTI WIRA	2017275858

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT
CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR604-PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (SEPTEMBER 2018 – JANUARY 2019)**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
ENCIK MOHAMMAD KAMARUDIN BIN MAT YUNUS
CIKGU SEKOLAH KEBANGSAAN BELUKAR
KELANTAN DARUL NAIM**

OLEH:

**MARLISA SAZIELA BINTI MANSOR 2017275958
NURUL NAZURAH BINTI WIRA 2017275858**

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT
CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR604-PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (SEPTEMBER 2018 – JANUARY 2019)**

PENGHARGAAN

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirahim..

Alhamdulillah, bersyukur kehadiran ilahi dengan limpah dan kurnianya dapat lagi bernafas dan di anugerahkan nikmat serta tenaga dalam menyiapkan tugas yang diberikan oleh pensyarah ini.

Pertamanya, kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan perasaan syukur serta setinggi-tinggi penghargaan kepada pensyarah yang kami hargai, Puan NurulAnnisa Binti Abdullah kerana memberikan bnyak tunjuk ajar serta nasihat dalam menyiapkan tugas ini.

Selain itu, kami juga berterima kasih yang tidak terhingga kepada kedua ibu-bapa kami diatas dorongan serta doa yang diberikan kepada kami sepanjang kami menyiapkan kerja ini. Tidak lupa juga kepada kawan-kawan yang sentiasa memberi semangat serta sokongan moral untuk menempuhi sepanjang proses temubual ini.

Kami juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Cikgu Kamarudin kerana sentiasa komited sepanjang proses temubual dijalankan untuk berkongsi pengalaman tentang sejarah bangunan lama Sekolah Kebangsaan Belukar selama 1 jam 30 minit.

Akhir sekali, kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam proses menyiapkan tugas ini dengan jayanya. Semoga Allah S.W.T melimpahi rahmat keatas mereka. Terima kasih.

ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN

TAJUK

Penghargaan.	i-ii
Isi Kandungan.	iii-iv
Abstrak.	iv
Biodata Tokoh.	vii-viii
Pengenalan.	ix-x

Transkrip

Latar Belakang Guru.	1-2
Latar Belakang Sejarah Pendidikan.	3-8
Sejarah Pembangunan Sekolah Kebangsaan Belukar.	9-49
Harapan dan Pandangan.	50-59

Lampiran

Log Wawancara.	60-63
Diari Kajian.	64-66
Senarai Soalan.	67-73
Surat Perjanjian.	74
Gambar.	75
Indeks.	76
Rujukan.	77

ABSTRAK

Abstrak: *Transkrip ini mengandungi temubual bersama seorang cikgu iaitu Mohammad Kamarudin Bin Mat Yunus iaitu seorang guru yang telah lama berkhidmat di Sekolah Kebangsaan Belukar Ulu sat, Machang. Transkrip ini menyentuh sedikit sebanyak tentang latar belakang sejarah bangunan lama Sekolah Kebangsaan Belukar sepanjang beliau berkhidmat disitu. Transkrip ini juga menceritakan serba sedikit latar belakang kerjaya beliau sebagai seorang guru yang telah berkhidmat lebih 20 tahun di Sekolah Kebangsaan Belukar Ulu sat, Machang. Temuramah ini berdasarkan beberapa ciri soalan iaitu soalan Orientasi, General dan Spesifik.*

Kata kunci: *Guru, pengalaman kerjaya dan sejarah bangunan sekolah.*

BIODATA TOKOH

BIODATA TOKOH



Nama : Mohammad Kamarudin Bin Mat Yunus
Umur : 54 Tahun
Tarikh Lahir : 1 Ogos 1964
Tempat Lahir : Kampung Khalis Pasir Putih Kelantan
Negeri Kelahiran : Kelantan

Education

Primary education : Sekolah Kebangsaan Perkampungan
Secondary Education : Sekolah Menengah Gaal, Kelantan
Higher Education : Tingkatan Enam atas dan Enam bawah di Sekolah Menengah Sultan Ismail
: Maktab Perguruan Kota Bharu, Kelantan

PENGENALAN

Pengenalan

Transkrip in mengandungi temubual bersama seorang cikgu iaitu Mohammad Kamarudin Bin Mat Yunus iaitu seorang guru yang telah lama berkhidmat di Sekolah Kebangsaan Belukar Ulu sat, Machang. Temubual ini berlangsung di bilik guru sekolah Kebangsaan Belukar, Ulu sat Machang Kelantan pada 22 November 2018 dari jam 2.00 petang sehingga 4.15 petang.

Muhammad Kamarudin bin Mat Yunus lebih mesra dipanggil cikgu din oleh guru-guru dan anak-anak murid di sekolah Kebangsaan Belukar itu. Cikgu din dilahirkan di kampung Khalis Pasir Putih, Kelantan pada 1 Ogos tahun 1964. Beliau merupakan anak kedua [2] daripada tujuh [7] orang adik beradik hasil daripada pernikahannya bersama isteri. Beliau dibesarkan di kampung yang sama dan telah kematian bapa lebih kurang lima belas tahun yang lepas.

Transkrip yang dijalankan ini bermula pada jam 2.00 petang dan berakhir pada pukul 4 petang. Temubual ini dilaksanakan bertujuan untuk berkongsi pengalaman tentang sejarah bangunan lama Sekolah Kebangsaan Belukar yang telah dibina bertahun-tahun lamanya bermula dibawah rumah Almarhun Tuan Haji Ahmad sehingga di tapak baru kerana beliau amat mementingkan pembelajaran kepada anak-anak kampung disitu.


Selain itu, Cikgu din seorang guru yang berpengalaman tentang sejarah pembangunan sekolah belukar sehingga sekolah ini diambil dan dibaikpulih oleh pihak kerajaan demi masa depan anak-anak kampung ketika itu. Menurut cikgu din, beliau masih ingat tentang sejarah yang berkaitan perebutan tanah antara kerajaan dan anak-anak tuan tanah sehingga kini masih dituntut dan belum menemui jalan penyelesaian.

Sepanjang perkhidmatan beliau sebagai seorang guru beliau telah memegang beberapa jawatan sebagai bendahari Persatuan ibu-bapa dan guru, Juruteknik sukan dan beberapa jawatan kecil. Sepanjang perkhidmatan beliau sebagai guru, beliau telah menerima dua anugerah cemerlang di sekolah dan diberi dua penghormatan iaitu "Smart Cemerlang" dan guru aktif di sekolah itu.

RUJUKAN

(Muhammad Kamarudin, Personal Interview, November 22, 2018)

BIODATA TOKOH



Nama : Mohammad Kamarudin Bin Mat Yunus
Umur : 54 Tahun
Tarikh Lahir : 1 Ogos 1964
Tempat Lahir : Kampung Khalis Pasir Putih Kelantan
Negeri Kelahiran : Kelantan

Education

Primary education : Sekolah Kebangsaan Perkampungan
Secondary Education : Sekolah Menengah Gaal, Kelantan
Higher Education : Tingkatan Enam atas dan Enam bawah di Sekolah Menengah Sultan Ismail
: Maktab Perguruan Kota Bharu, Kelantan

LATAR BELAKANG GURU

NN :Assalammualaikum warrahmatullahi wabarokatuh dan salam sejahtera. Berikut adalah temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan sejarah pembangunan Sekolah Kebangsaan Belukar. Bersama kami Encik ialah Encik Muhammad Kamarudin yang merupakan seorang guru yang telah berkhidmat di Sekolah Kebangsaan Belukar ini. Rakaman ini dijalankan pada tarikh *dua puluh dua* [22] November 2018 bersamaan pada hari Rabu pada pukul *dua* [2] tengahari bertempat di Sekolah Kebangsaan Belukar. Berikut merupakan soalan bagi temubual sejarah lisan yang bakal dijalankan oleh Marlisa Saziela Binti Mansor dan juga Nurul Nazurah Binti Wira mengenai bangunan dan sejarah Sekolah Kebangsaan Belukar.

NN :Ok boleh kita mulakan temubual kita cikgu?

CD :Ya boleh *Insya Allah* [Dengan Izin Allah] boleh.

NN :Ok saya mulakan soalan pertama. Apakah nama penuh cikgu?

CD :*Walaikumussalam Warahmatullah Hibawarokatuh* (menjawab salam), nama penuh saya ialah Muhammad Kamarudin Bin Mat Yunus.

NN :Apakah pekerjaan kedua ibu bapa cikgu sebelum ini?

CD :Sebelum ini ayah saya seorang petani, tapi sekarang sudah meninggal lebih kurang lima belas tahun le-yang- yang lepas lah.

NN :Cikgu ada berapa bilangan adik beradik?

CD :Saya ada *tujuh* [7] orang adik beradik. Saya merupakan yang kedualah didalam keluarga saya.

NN :Bilakah cikgu dlahirkan?

CD :Saya dilahirkan pada *satu* [1] haribulan ogos tahun semile-1964.

NN :Dimana cikgu dilahirkan?

CD :Saya dilahirkan di Kampung Khalis, Pasir Putih, Kelantan.

NN :Cikgu, dimanakah cikgu dibesarkan.adakah ditempat sama?

CD :Saya dibesarkan di kampung itu jugalah. Ta-te-tidak melibatkan kawasan lain lah.

NN :Dan dimanakah cikgu menetap buat masa sekarang?

CD :Buat masa sekarang ni pun saya menetap di Kampung Kerandit [Kelantan] itu juga, iaitu kampung (sedang berfikir) berhampiran dengan rumah arwah ayah saya.

NN :Sebelum ini adakah cikgu pernah cikgu pernah menetap di luar negeri kelantan?

CD :Sebelum ini saya pernah bela-mengajar di pahang selama tujuh tahun. Dise-balik daripada sana saya terus menetap di kampug kelahiran saya.

LATAR BELAKANG SEJARAH PENDIDIKAN

NN :Berikut adalah sejarah pendidikan cikgu sebelum ini?

CD :Ya.

NN :Pada umur berapakah cikgu mula bersekolah?

CD :Saya mula sekolah pada umur *tujuh* [7] tahun iaitu pada darjah *satu* [1] waktu berumur *tujuh* [7] tahun.

NN :Apakah pendidikan awal cikgu mula mula? Maksudnya adakah cikgu mula bersekolah pada peringkat sekolah rendah ataupun masuk tadika?

CD :Ya masa itu saya terus masuk darjah *satu* [1] lah. Sebab tadika masa saya itu tiada lagi jadi masuk terus darjah *satu* [1].

NN :Dimana cikgu sekolah menengah sebelum ini?

CD :Selepas saya menamatkan darjah *satu* [1] sampai darjah *enam* [6] di sekolah kebangsaan perkampungan disitu, saya melanjutkan pelajaran di Sekolah Menengah Gaal [Kelantan] sampai tingkatan *lima* [5] dan untuk menyambung lagi saya pergi masuk ke Sekolah Menengah Sultan Ismail untuk menyambung pelajaran di tingkatan *enam* [6], *enam* [6] rendah dan atas-*enam* [6] atas lah.

NN :Apakah penyampaian tertinggi pada peringkat sekolah menengah?

CD :Saya peringkat sekolah menengah saya itu hanya mendapat STPM [Sijil Tinggi Peperiksaan Malaysia] lah selepat-sempat ambil sijil STPM [Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia], saya mendapat *empat* [4] prinsipal [sistem gred]. Pada masa itu, tapi saya tidak minta pergi mana-mana, berhenti terus kerja dulu lepas itu saya terus masuk maktab.

NN :Adakah cikgu-pada zaman persekolahan adakah cikgu seorang yang aktif?

CD :Saya masa di sekolah menengah sebagai ketua darjah, ketua tingkatan lah pada masa itu dan juga masa disekolah rendah saya masih pi-pengawas ya, pengawas sekolah. Masa disekolah rendah.

NN :Selain daripada itu?

CD :Saya libatkan didalam sukan jugalah masa itu dan juga saya apabila ada acara-acara sukan saya merupakan peserta untuk setiap-bagi pasukan saya lah.

NN :Adakah apa apa aktiviti yang cikgu selalu terlibat dan pada waktu disekolah di zaman persekolah?

CD :Masa itu, masa sekolah menengah atau rendah masa itu itu?

NN :Menengah?

CD :Masa menengah itu saya ingat aktiviti ialah masa pe-petang kita boleh pada pengakap lah, sebab saya sekolah menengah team [pasukan] tep-pengakap. Jadi, tidak sempat lagi ingat pergi gotong royong dari rumah ke rumah bersama rakan rakan dan guru lah. Kalau ada peluang saya masuk ke kelab ini menunggang basikal. Jadi saya banyak lah pusing pusing meroun-bersama kawan kawan bersama diri dengan guru lah. Masa itu kelab utama kelab basikal sahajalah pada masa itu.

NN :Dimanakah cikgu mula menyambung pelajaran selepas habis tamat sekolah?

CD :Selepas habis tingkatan *enam* [1] saya kerja sekejap, selepas itu saya terus masuk maktab perguruan lah di Kota Bharu [Kelantan].

NN :Berapa tahun cikgu di maktab?

CD :Rasanya tidak sampai *tiga* [3] tahun. Dalam maktab itu saya di posting [ditugaskan] mengajar di Pahang.

NN :Boleh tidak cikgu ceritakan serba sedikit tentang perjalanan cikgu semasa zaman cikgu sambung belajar dulu?

CD :Maksudnya, semasa saya belal-sambung belal-belajar? Stop [Berhenti] sekejap (ketawa). Tidak boleh edit [ubah]ke?....

NN: Jadi, dimanakah cikgu menyambung pelajaran setelah tamat zaman persekolahan?

CD: Semasa saya darjah sekolah rendah saya belajar darjah satu [1] sampai darjah *enam* [6] di sekolah yang sama. Kemudian saya melanjutkan pelajaran tingkatan *satu* [1] hingga tingkatan *lima* [5] di Sekolah Menengah yang jaraknya daripada rumah saya lebih kurang *tiga* [3] kilometer. Pada masa tu saya hanya sekolah jalan kaki sahaja. Tiga [3] kilometer tu bejalan (berjalan) kaki sahaja. Kemudian selepas saya tamat S-SPM (Sijil Pelajaran Malaysia) saya ditawarkan belajar di Sekolah Menengah Sultan Ismail tadi sehinggalah saya selama *dua* [2] tahun dari tingkatan *enam* [6] rendah sampai tingkatan *enam* [6] atas. Apabila tamat belajar saya sementara menunggu peperiksaan keputusan *STPM* (Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia) saya bekerja sendiri. Kemudian selepas tahu keputusan U-STPM (Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia) saya ditawarkan kerja di Kuala Lumpur dan saya pernahlah bekerja di Kuala Lumpur di pejabat sebuah syarikat swasta di Kuala Lumpur selama *tiga* [3] tahun. Kemudian saya ditawarkan pula untuk melanjutkan pelajaran-- di menawarkan kursus di Maktab Perguruan Kota Bharu [Kelantan] sebagai untuk ditawarkan sebagai guru lah. Disitu saya belajar kene (mesti) tamat belajar dan terus dihantar ke Pahang lah untuk mengajar disana lah.

NN: Apakah pengalaman yang cikgu tak dapat lupakan waktu cikgu menyambung pelajaran?

CD: Saya pengalaman tu kira biasa sahaja cuma saya seorang pelajar kira tinggal jauh dari bandar. Bila kita sampai ke bandar kita rasa satu - - Sekolah Sultan Ismail berada di Kota Bharu [Kelantan]. Jadi apabila kita seorang budak kampung nak belajar di sebuah bandar kita rasa satu kelainan lah bagi kita sebab kita rasa rendah diri sangat sebab kita orang kampung yang kawan-kawan saya semua golongan-golongan elit. Jadi kita walaupun begitu saya kuatkan semangat juga untuk belajar bersama-sama golongan-golongan yang lebih elit daripada saya lah. Masa itu saya pernah belajar dengan seorang Sultan a-adik-adik-adik kepada Sultan Yang Diper - - Sekarang ini, jadi saya rasa satu--Kadang-kadang saya rasa bangga juga sebab saya pernah belajar di sekolah itu. Kalau kita orang kampung ini jarang dan saya pasti masa tu ramai - - jarang orang-orang kampung yang macam saya ni boleh belajar di sekolah itu.

NN: Pada tahun berapa cikgu berjaya menamatkan pembelajaran?

CD: Saya masuk ke tahun 1983 dan '82 dan tamat pada tahun 1983 lah.

NN: Bilakah cikgu mula-mula start mengajar di sekolah?

CD: Saya mengajar di Sekolah Belukar ini pada tahun 1998 (sedang berfikir) 1999. Saya berada disini tahun 1999 selepas balik dari Pahang.

NN: Mula-mula cikgu mengajar disini apa jawatan yang cikgu pegang?

CD: Saya apa-sampai di sekolah ni beberapa jawatan lah diberi kepada saya iaitu bendahari PIBG [Persatuan ibu bapa dan Guru, guru koperasi sekolah dan juga tugas saya mengajar untuk kelas tahun enam untuk kelas UPSR (Ujian Penilaian Sekolah Rendah) tahun enam [6].

NN: Jawatan yang mula-mula cikgu pegang cikgu ingat tak?

CD: Jawatan tu (sedang berfikir) jawatannya kalau saya masa itu banyak, kecil-kecil jah [sahaja] dia punya jawatan kecil-kecil tu banyak lah sebagai Ahli apa ini (sedang berfikir) Setiausaha Juruteknik Sukan, Pengerusi kelab macam-macam lah.

NN: Apakah pencapaian tertinggi yang cikgu capai pada waktu ketika itu?

CD: Saya. sebagai seorang guru...(ditambah penemubual) Ya, saya - oleh pengalaman saya mungkin lah jugok [juga] saya telah mendapat Anugerah Cemerlang lah sekolah ini selama sebanyak dua kali. Semasa saya berada ini saya telah diberi satu penghormatan oleh pihak pentadbir untuk memberi anugerah 'Smart Cemerlang' kepada saya. Selama dua kali lah pada tahun 2001 dan juga 2007. Dan juga selain daripada itu kita (merujuk kepada cikgu) dapat terima anugerah daripada pihak sekolah sebagai guru aktif dan juga guru cemerlang lah.

SEJARAH LATAR BELAKANG DAN PEMBANGUNAN SEKOLAH KEBANGSAAN BELUKAR

NN: Okay, kita mulakan dengan sejarah latar belakang dan pembangunan Sekolah Kebangsaan Belukar ini, macam mana boleh timbul cadangan untuk menubuhkan tempat belajar bagi anak-anak kampung belukar?

CD: Pada masa itu, masyarakat kampung sini mula menyedari bahawa pelajaran ini penting bagi mereka. Jadi mereka secara tak langsung telah berbincang sesama sendiri untuk menubuhkan sekolah sebagai tempat menuntut ilmu bagi orang kampung sini. Kerana orang kampung sini nak keluar sekolah di bandar memakan masa yang lama dengan jaraknya yang lebih kurang *tujuh* [7] hingga *lapan* [8] kilometer. Jadi dia orang perlu fikir bagaimana cara untuk mendapat ilmu melainkan dengan membina sekolah di kampung ini sendiri.

NN: Siapakah yang mula-mula mencadangkan untuk menubuhkan sekolah ini?

CD: Pada permulaannya sekolah ini ditu-dicadangkan oleh Almarhum Tuan Haji Ahmad Ghani iaitu seorang orang yang terkenal lah di kampung masa itu pada masa itu.

NN: Beliau pegang jawatan sebagai apa?

CD: Pada masa tu beliau merupakan seorang imam tua di mukim ulu sat [Machang, Kelantan] ini. Jadi pada itu beliau lah orang yang paling kanan lah dekat kampung ini dan mempunyai pengalaman dan banyak pengaruh lah.

NN: Dimanakah beliau tubuhkan sekolah itu untuk anak-anak kampung?

CD: Pada masa itu beliau mencadangkan pada orang kampung supaya memulakan pelajaran itu dibawah rumah beliau sendiri kerana tidak ada lagi bangunan kekal masa itu. Jadi dia cadangkan buat di rumah di bawah rumah dia [Imam] sendiri lah. Kemudian - - soalan lain pula ini?

NN: Dekat mana alamat imam itu? Rumah imam itu dekat mana?

CD: Rumah kalau mengikut sejarahnya rumah imam itu di belakang sekolah belukar sekarang ini lah dan sekarang ini pun masih ada lagi tapak rumah dia itu belakang sekolah sendiri lah. Sekolah Kebangsaan Belukar sekarang ini.

NN: Maksudnya rumah itu tak ada orang?

CD: Rumah asal dia dah tak ada dah. Cuma rumah-rumah yang dibina semula lah pula ada.

NN: Kenapa dia memilih rumah itu sebagai tempat untuk anak-anak ini belajar, untuk membina tempat tersebut?

CD: Kerana pada masa itu kita menghadapi ke-kekangan tempat lah. Tempatnya tiada. selepas itu bangunan tu-ti-tidak ada orang ada orang yang sanggup memberi tempat belajar pada masa itu. Jadi dia secara sukarela menawarkan diri untuk membina - - menjadikan tempat rumah dia sebagai tempat belajar lah.

NN: Apa sejarah serba sedikit cikgu tahu berkaitan dengan Almarhun Tuan Haji Ahmad ini dalam usaha beliau untuk menubuhkan sekolah ini?

CD: Apa yang saya tahu lah Tuan Haji Ahmad ini seorang yang pentingkan kepada pelajaran kerana beliau adalah merupakan orang yang pernah belajar di luar kawasan ini sendiri jadi beliau menyedari bahawa pelajaran penting untuk orang kampung [Ulu sat] sini. Jadi beliau pun berusaha berpakat [bersepakat] dengan orang kampung untuk mencari membina sekolah sebagai tempat belajar pula bagi orang-orang kampung sini.

NN: Adakah pelajar-pelajar yang bersekolah dekat situ pada waktu itu dia orang ini daripada kampung situ juga?

CD: Pada asalnya pelajar sini berde-tinggal berdekatan dengan sekolah. Kemudian apabila berita ini diketahui orang kampung maka orang sekitar-sekitar kampung ini pun cuba nak menghantar anak dia untuk belajar sekali disini lah. Jadi masa itu pelajarinya lebih kurang *lima puluh* [50] orang sahajalah pada masa itu

NN: Bagaimana dengan kelulusan cikgu-cikgu yang boleh jadi cikgu pada ketika itu?

CD: Kelulusan cikgu masa itu rata-rata cikgu disini dah bela-berjaya menamatkan darjah enam di sekolah di bandar *nu* [itu] masa itu. Jadi apabila dia orang ni cikgu-cikgu n dah rasa ada kebolehan untuk mengajar ada ilmu sedikit sebanyak daripada dia jadi dia cadangkan dua orang cikgu lah untuk mengajar disini lah.

NN: Boleh tak cikgu- -Cikgu ingat tak siapa cikgu-cikgu yang mengajar pada ketika itu?

CD: Untuk permulaannya dua orang cikgu tu adalah Encik Ibrahim dan juga Encik Mustafa bin Omar. Orang ini lah yang memainkan peranan untuk mengajar pada peringkat awal lah.

NN: Bagaimana pihak sekolah nak bayar gaji-gaji cikgu itu?

CD: Pada masa itu, masyarakat kampung ini berada dalam sukar lah untuk men-mencari wang dan juga orang kampung bekerja menoreh getah juga petani. Jadi hasil perbincangan walaupun begitu hasil daripada perbincangan kita dia orang sanggup mengeluarkan wang sebanyak seringggit [RM1] seorang lah pada ketika itu sebagai derma untuk disumbangkan pada cikgu yang mengajar. Kemudian dia juga mencadangkan supaya hasil-hasil wang zakat yang diserahkan kepada imam juga diberikan kepada cikgu guru sebagai wang saguehati lah untuk mengajar budak-budak di kampung ini [Ulu sat].

NN: Cikgu ingat tak siapa guru besar yang bertanggungjawab di Sekolah Kebangsaan Belukar pada waktu itu?

CD: Pada masa iu guru besarnya Tuan Haji Ahmad sendiri lah sebagai guru besar kerana dia mengetahui selok-belok pelajar disini dan juga lebih mengetahui tentang keadaan ibu bapa disini. Jadi beliau lah orang paling layak lah dio [dia] lah masyarakat fikir masa itu dia [Tuan Haji Ahmad] lah yang paling layak untuk jadikan guru besar maka dia pun dilantik lah sebagai guru besar untuk sekolah itu [Sekolah Kebangsaan Belukar].

NN: Boleh kami tahu kenapa Sekolah Belukar terpaksa berpindah ke lokasi lain? Dan siapa yang mencadangkan usaha ini untuk berpindah di tempat lain?

CD: Cadangan itu ialah Tuan Haji Ahmad sendiri yang mencadangkan kerana pada masa itu bilangan pelajar semakin bertambah sedangkan ruang untuk belajar dibawah itu ialah terlalu sempit jadi beliau fikir bahawa perlu ada satu tempat yang sesuai untuk belajar untuk kerana dengan pertambahan pelajar tadi perlu ada satu tempat yang lebih selesa untuk belajar. Jadi masa itu tidak ada tempat lain lah lebih sesuai. Jadi apabila orang kampung cari sesuatu tempat maka dia dapat lah satu kawasan dia panggil stor padi masa itu. Stor padi ini hasil peninggalan orang dulu-dulu yang di--- masa itu orang kampung sini simpan padi dalam masa Jepun itu dalam stor padi. Kemudian apabila *dah*[sudah] Jepun tiada maka stor itu kosong jadi dia berpakat untuk berpindah ke stor padi yang lebih luas lagi lah. Masa itu bilangan pelajarinya semakin bertambah iaitu lebih kurang tujuh puluh orang lah.

NN: *Tujuh puluh* [70]orang itu--?

CD: *Tujuh puluh* [70]orang iaitu guru pada masa itu pun sudah - - Apabila pelajar tujuh puluh seramai *tujuh puluh* [70] orang maka guru pun perlu ditambah dan guru yang tambah pada masa itu Encik Rosdi bin Haji Ismail. Bangunan itu keluasan stor padi itu ialah *tiga puluh kali tiga puluh* [30 x 30] kaki lah dimana cukup untuk seramai *tujuh puluh* [70] orang itu walaupun - - itu pun masih lagi tidak sempit untuk dibandingkan dengan jumlah pelajar. Tapi kerana tidak ada lagi bangunan lain yang sesuai maka disitu lah dipilih sebagai tempat untuk belajar (Bunyi telephone) .

NN: Berapakah jarak, agak-agak jarak antara sekolah baru dengan sekolah lama?

CD: Jaraknya saya tidak pasti. Tidak jauh lah sebabnya *berada di sekitar itu* [kawasan sekolah lama] juga lah di sekitar sekolah lama tadi. Tapi lebih kurang dalam setengah kilometer lebih kurangnya lah dengan jarak daripada sekolah asal dengan tempat baru itu.

NN: Dimana pihak sekolah dapat sumber kewangan untuk berpindah ke- berpindah sekolah?

CD: Untuk memindah sekolah tu memerlukan kos juga lah pada masa tu, jadi orang-orang kampung terpaksa mengeluarkan belanja juga lah melalui pungutan dan mereka bersetuju lah untuk mengeluarkan sedikit sebanyak sumbangan untuk menampung perbelanjaan untuk berpindah sekolah itu. Jadi orang kampung secara itu telah memberi derma lah sebagai sumbangan me-mereka.

NN: Apakah nama lain bagi Sekolah SK Belukar [Sekolah Kebangsaan Belukar] sebelum ini.?

CD: Nama sekolah itu iailah sekolah Nahdatul Wataniah lah dulu pada asalnya, kemudian apabila dah tu—tukar kepada Sekolah Belukar pula.

NN: Apa yang menyebabkan sekolah itu dinamakan sebagai Sekolah Nahdatul Wataniah?

CD: Ya, pada ketika itu sekolah itu lebih kepada mirip sekolah arab. Iaitu masa itu sekolah Nahdatul wataniah itu sudah ada jadi mereka berca--- fikir nama itu sesuai lah untuk diberi nama sekolah ni sekolah sebuah apa ni sekolah tadi sekolah Nahdatul wataniah tadi.

NN: Bagaimanakah pengurusan sekolah pada ketika itu dan siapa bertanggungjawab dalam memastikan hal ehwal urusan sekolah pada ketika itu terpelihara?

CD: Pada masa itu dia sudah ada satu jawatankuasa yang dianggotai oleh penduduk, jadi jawatankuasa ini lah yang bertanggungjawab untuk menguruskan segala pe-pelajar untuk menguruskan sekolah pada masa itu.

NN: Agak-agak berapa ramai jumlah ahli jawatankuasa yang dilantik pada ketika itu?

CD: Pada ketika itu jumlah ahli jawatankuasa lebih kurang seramai lapan orang lah. Yang dianggotai oleh ibu bapa-sekitar ini sahaja.

NN: Bagaimana mereka melantik ahli jawatankuasa pada ketika itu?

CD: Pada masa itu ahli jawatankuasa mewakili bagi setiap orang kampung, di belukar ini dia ada beberapa buah kampung kecil dimana dalam mesyuarat tu sudah bersetuju untuk melantik ahli jawatankuasa seorang bagi kampung sebuah kampung. Bermakna ada *lapan* [8] orang akan mewakili lapan buah kampung yang berada disekitar belukar ini.

NN: Cikgu ingat tak nama-nama dan jawatan dia orang pegang?

CD: Pada masa itu pengurus dia Tuan Haji Ahmad Bin Abdul Ghani, kemudian setiausaha dia ialah Encik Ibrahim bin Awang, kemudian bendaharinya ialah Tuan Haji Muhammad Nor bin Ismail dan dibantu oleh AJK [Ahli Jawatan Kuasa] lain iaitu Tuan Haji Idris bin Kasim, kemudian yang AJK Tuan Haji Muhammad bin Keling, Tuan Haji Ahmad bin Mahmud, Tuan Haji Yaakob bin Isa dan Encik Salleh bin Ali ya. Itulah jawatankuasa yang mula-mula dianggotai oleh mereka ini.

NN: Apa skop tugas-tugas mereka dalam menguruskan dan membangunkan sekolah tersebut pada ketika itu?

CD: Pada masa itu, mereka ditugaskan untuk mencari wang untuk membayar gaji guru dan juga untuk mencari tempat yang sesuai untuk membina bangunan kekal kerana memandangkan bangunan masa itu berada keadaan uzur jadi mereka berbincang dan jawatankuasa ini lah yang akan menguruskan dan mencari bangunan baru kepada pelajar supaya mereka lebih belajar lebih selesa lagi lah.

NN: Apa sumbangan terbesar pada sekolah pada ketika itu?sumbangan mereka?

CD: Sumbangan mereka yang besarnya pada masa itu akhirnya mereka berjaya mendapat satu kawasan yang sesuai untuk dibina sekolah kerana kawasan baru ini lebih luas dan juga masa ini tidak ada - - sukar dan selamat dinaiki air lah. Kemudian sekolah ini juga mudah juga didatangi oleh pelajar-pelajar yang tinggal berdekatan ini.

NN: Apa tujuan mereka untuk mengumpul dana daripada orang kampung dan orang-orang sekitar kampung belukar ini?

CD: Tujuan mereka mengumpul dana ini pertama untuk membina mengubahsuai sekolah yang ada ataupun membesarkan lagi bangunan lah kalau boleh pada masa itu. Kemudian untuk membaiki sekolah yang uzur jadi inilah sumbangan - - tujuan mereka mengumpul dana ini.

NN: Jadi daripada dana itu apa hasil yang mereka dapat dalam membangunkan sekolah SK Belukar?

CD: Cara untuk mendapat dana ini pun sama juga yang dulu juga iaitu secara sukarela memberi derma dan juga melalui sumbangan zakat lah yang diberi oleh orang kampung. Itulah punca pendapatan utama mereka pada masa itu untuk menguruskan sekolah ini.

NN: Pada tahun berapa bangunan sekolah ini mula-mula dibangun pada tapak yang baru?

CD: Untuk membina mereka telah membinanya pada tahun 1950.

NN: Bagaimana bangunan itu dibina pada ketika itu? Adakah melalui kontraktor atau hasil kerja luar?

CD: Pada masa itu bangunan dibina hasil daripada gotong royong orang kampung, kemudian masa itu sudah ada lah sedikit sebanyak mereka minta bantuan dari luar kampung ini, makna jika ada kenalan-kenalan mereka yang diluar kampung mereka telah menghubungi untuk minta sumbangan lah. Jadi dia orang telah berpakat akhirnya terbina lah bangunan baru.

NN: Agak-agak berapa keluasan tapak tanah untuk membina sekolah itu?

CD: keluasan yang pada mulanya ialah lebih kurang 60 kaki x 20 kaki persegi lah.

NN: Kenapa cikgu tahu tak kenapa selepas sepuluh bulan murid-murid itu terpaksa berpindah ke tempat baru?

CD: Selepas mereka menduduki bangunan tersebut lebih kurang *sepuluh bulan* [10] mereka terpaksa berpindah ke bangunan baharu kerana pada satu ketika itu bangunan itu hampir roboh kerana dipukul oleh ribut yang amat kuat sekali lah pada masa itu. Jadi bangunan itu telah hampir runtuh jadi mereka fikir keselamatan murid tidak akan selamat jadi mereka pun bersetuju untuk membina bangunan baru pula.

NN: Adakah pada ketika itu bangunan itu secara *official*[rasmi] dia musnah?

CD: Pada keseluruhannya tidaklah musnah sampai habis cuma mereka memikirkan keselamatan pelajar mereka perlu juga berpindah lah.

NN: Dimanakah pula murid-murid itu berpindah setelah kejadian itu berlaku?

CD: Selepas kejadian itu berlaku murid-murid terpaksa berpindah dan belajar di sebuah stor padi lah pada masa itu iaitu stor padi ini ialah stor padi peninggalan Jepun lagi.

NN: Apa usaha-usaha yang dilakukan oleh ahli jawatankuasa untuk menangani masalah tersebut?

CD: Untuk menyelesaikan masalah ini pihak jawatankuasa telah mengadakan rundingan dengan pihak Ketua Jajahan Machang pada masa itu tujuannya untuk menyempurnakan sekolah yang lebih baik lah daripada itu. Kemudian usaha ini telah dibawa kepada pihak yang lebih atas lagi kemudian apa itu (sedang berfikir) daripada pihak pejabat tanah jajahan machang mereka bawa kepada peringkat yang lebih tinggi lagi lah untuk memberi peluang kepada supaya bangunan baru dapat dibina juga. Kemudian hasil daripada ini walaupun sudah perbincangan beberapa kali telah dibuat nampaknya tidak berjaya juga lah sehingga tidak ada kata putus untuk kita capai pada masa itu.

NN: Jadi apa penyelesaian yang diperolehi pada akhirnya bagi membolehkan penyediaan tempat belajar yang selesa untuk murid-murid pada ketika itu?

CD: Akhirnya pihak jawatankuasa telah memperolehi satu tempat untuk dibuat tapak bangunan baru dengan jalan dipinjam daripada tuan tanah iaitu---Tuan tanah ni pada masa itu, Tuan Haji Ahmad tak silap saya lah sebab saya pun dah lupa nama itu.

NN: Jadi pada tahun berapa bangunan sekolah itu mula-mula dibina di lokasi yang baru?

CD: Untuk lokasi yang baru ini sekolah ini telah dibina pada tahun 1951 dimana jawatankuasa telah bergotong-royong mendirikan sebuah bangunan kayu yang berukuran 100 x 30 dan mereka dan juga membina kerusi tempat dan meja juga daripada hasil gotong royong lah gotong-royong ibu bapa dan ahli jawatankuasa kampung tadi dimana dengan pembinaan itu murid-murid dapat lah belajar walaupun dalam keadaan tidak selesa tapi kerana keperluan---kerana itu lah sumber yang mereka ada pada masa itu mereka terpaksa lah guna-guna kayu yang berada di sekitar-sekitar masa itu.

NN: Agak-agak cikgu tahu tak kenapa lokasi baru untuk sekolah baru itu dipilih? Dan adakah lokasi itu dapat persetujuan daripada orang kampung ataupun ahli jawatankuasa?

CD: Tempat yang ataupun lokasi yang baru dipilih itu mereka memikirkan bahawa itulah tempat yang paling strategik sekali untuk menjadikan sekolah dan kemudian mereka memikirkan juga keluasan tanah yang diperolehi itu sesuai lah untuk membina bangunan yang lebih besar sedikit memandangkan jumlah pelajar pun semakin bertambah jadi mereka pun mencari kawasan yang lebih luas lagi lah. Jadi apabila ada bangunan baru ini apabila mereka mencadangkan kemudian kebetulan pula tuan tanah telah memberi menerima permintaan daripada orang kampung supaya membina bangunan baru jadi tuan tanah bersetuju lah untuk memberi tanah dia sebagai tempat membina bangunan baru.

NN: Siapakah Tuan tanah yang telah memberi pinjam tanah-tanah tu untuk dibuat tapak bangunan kepada pihak sekolah?

CD: Orang yang terlibat memberi tanah pada masa itu ialah Tuan Haji Muhammad Nor bin Ismail, kemudian Encik Daud bin Salmah, dan yang ketiga Puan Khatijah binti Osman jadi ketiga-tiga orang ini telah bersetuju untuk memberi tapak tanah mereka untuk membina bangunan di atas tanah mereka.

NN: Adakah cikgu ingat adakah sebarang perjanjian apabila tuan tanah itu memberi pinjam?

CD: Pada peringkat awalnya dia orang ini telah bersetuju untuk membina sekolah ini sementara menjumpai tanah yang sesuai sementara kerajaan membayar mencari tempat yang sesuai jadi mereka fikir sementara mendapat tanah kekal mereka bersetuju lah untuk memberi tanah dulu untuk sementara waktu lah

NN: Apabila mereka dapat tanah itu membina bangunan itu, bangunan itu dibina menggunakan apa?

CD: Pada masa itu kemudahan asasnya seperti kayu memang sukar dan juga belanja yang tak ada jadi mereka mencari jalan paling mudah dengan membina bangunan daripada kayu-kayu bulat yang ada di sekitar kawasan mereka kerana kayu bulat ini senang didapati dan kawasan ini kawasan yang dikelilingi bukit-bukau jadi bagi mereka untuk menyiapkan bangunan ini tidak menghadapi masalah lah. Dan juga masa itu atapnya pula diperbuat daripada atap nipah kerana kawasan itu juga dipenuhi banyak pokok-pokok nipah yang ada disekitar kampung ini. Jadi mereka fikir untuk menjimatkan belanja itu sahaja cara yang terbaik lah bagi mereka.

NN: Jadi siapa yang terlibat dalam pembinaan pembangunan sekolah pada ketika itu?

CD: Pada masa itu mereka orang kampung ini telah mendapat kerjasama daripada ahli jawatankuasa daripada ibu bapa serta orang-orang yang tinggal berdekatan di kampung ini jadi mereka sama-sama membina secara bergotong-royong lah.

NN: Daripada mana mereka dapat sumber kelengkapan seperti meja, kerusi pada ketika itu?

CD: Meja dan kerusi juga lebih kepada sumbangan daripada orang kampung yang ada ibu bapa yang berkemampuan telah memberi sumbangan lah sedikit sebanyak sekadar yang mereka mampu dan mereka juga berpakat ataupun bergotong-royong membina kerusi dan meja untuk diberikan kepada pihak sekolah.

NN: Dengan penambahan jumlah pelajar yang semakin meningkat adakah guru-guru pada ketika itu dapat menampung jumlah pelajar?

CD: Kalau mengikut - - kalau nak ikut jumlah pada pelajar memang tidak cukup guru lah pada masa itu tapi walaupun begitu mereka telah - - bilangan guru juga boleh bertambah lah daripada dulu seramai tiga orang iaitu jumlah guru yang mula bertambah pada masa itu ialah Encik Yaakob bin Awang sebagai guru besar, kemudian Encik Abdul Wahab bin Abdullah dan Encik Hamid bin Ismail. Tiga orang ni merupakan guru tambahan lah kepada guru yang sedia ada walaupun begitu bilangannya masih lagi kekurangan walaupun kurang mereka berusaha jugalah untuk memberi pelajaran yang terbaik lah pada orang-orang kampung itu.

NN: Pada ketika itu, mengapa ahli jawatankuasa mahu menyerahkan sekolah ini kepada kerajaan dengan melakukan rundingan?

CD: Pada masa itu ahli jawatankuasa telah bersetuju memandangkan bilangan murid semakin bertambah dan juga mereka kekurangan wang untuk membayar gaji guru pada masa itu. Jadi mereka fikir cara terbaik terpaksa menyerah kepada pihak yang berkuasa lah untuk membayar gaji guru dan menangani masalah pelajar yang semakin bertambah.

NN: Adakah pihak sekolah pada ketika itu menerima kekangan dan bantahan daripada ibu bapa pelajar ketika itu?

CD: Pada masa itu ada ibu bapa yang menerima dan ada juga ibu bapa yang membantah namun jumlah yang menerima itu lebih ramai lah daripada yang membantah jadi mereka terpaksa juga lah mengikut suara ramai dimana mereka bersetuju lah untuk menyerahkan sekolah itu pada pihak yang berkuasa lah.

NN: Bagaimanakah proses penyerahan sekolah ini diberikan kepada kerajaan?

CD: Pada peringkat awalnya penyerahan ini mendapat tentangan daripada pihak pejabat kerana pihak pejabat hanya sanggup menerima sekolah dan juga muridnya sahaja tetapi gurunya mereka tidak terima kerana guru bagi pihak pejabat guru yang hendak mengajar perlu dilatih sedangkan guru yang dilantik sebelum ini bukannya guru yang terlatih tapi akhirnya melalui perundingan melalui melalui proses perundingan dan perbincangan akhirnya pada tahun 1959 sekolah ini terpaksa juga diambil alih oleh kerajaan.

NN: Jadi semua guru-guru itu akan ditetapkan ke?

CD: Pada peringkat awalnya kerajaan pihak jabatan pelajaran telah memindahkan, bukan memindahkan maksudnya telah sanggup juga membayar gaji kepada guru yang sudah ada itu walaupun mereka tidak dilatih pada peringkat awalnya mereka tidak dibayar dan sanggup juga membayar kerana inilah kalau tidak orang kampung tidak akan meneri menyerahkan kepada pihak jabatan.

NN: Siapakah yang terlibat dalam urusan perundingan untuk menyerahkan sekolah tersebut?

CD: Untuk proses penyerahan ini beberapa pihak terlibat telah lah iaitu pihak sekolah sendiri yang diwakili guru besar dan guru-guru, orang-orang kampung dan juga ahli jawatankuasa dan penduduk-penduduk kampung yang tinggal dengan berdekatan ini. Jadi mereka telah mengadakan perundingan beberapa kali perundingan akhirnya mereka bersetuju lah.

NN: Boleh tak cikgu ceritakan serba sedikit tentang hasil daripada rundingan tersebut?

CD: Hasil daripada rundingan tersebut pada tahun 1959 kerajaan telah mengambil sekolah dan membina sebuah bangunan baru iaitu dibina dengan keluasan seratus kaki kali dengan dua ratus kaki panjang. Ini bangunan ini masih lagi ada di sebelah sana (kawasan sekolah)

NN: Setelah sekolah itu berada dibawah kerajaan siapakah yang dilantik sebagai guru besar pada ketika itu?

CD: Untuk permulaannya secara rasminya kerajaan telah bersetuju untuk melantik Tuan Haji Hussin bin Awang sebagai guru besar pertama di sekolah itu.

NN: Apakah perubahan yang dialami oleh sekolah setelah diambil oleh kerajaan?

CD: Setelah diambil oleh kerajaan pelajarannya semakin kita rasa semakin tersusun kerana pelajaran tersusun dan dari segi pentadbirannya semakin baik kerana mereka telah mendapat tunjuk ajar daripada pihak pejabat itu lah.

NN: Adakah cikgu tahu antara bentuk halangan yang dihadapi ketika usaha untuk menambah bangunan sekolah pada ketika itu?

CD: Untuk menamabahkan bangunan baru di sekolah ini sebenarnya ada beberapa perkara lah yang perlu kita ambil kira lah yang pertama dari segi kewangan dimana untuk membina bangunan baru untuk menyiapkan bangunan baru memerlukan duit yang banyak jadi masa itu kerajaan pun belum ada sumber yang banyak jadi terpaksa juga lah kerana tiada duit dan itu lah halangan dia. Kemudian tenaga kerja dari segi tenaga kerjanya untuk membina bangunan baru ini tiada pekerja yang sanggup buat kerana tiada upah. Jadi pada peringkat awalnya mereka perlukan upah kerana mereka juga perlu menyarakan kehidupan mereka jadi itu lah masalah utama pada masa itu kekurangan duit dan juga untuk membayar gaji pekerja.

NN: Jadi apakah cara-cara yang dilakukan untuk mengatasi masalah dalam usaha untuk menambah bilangan bangunan di sekolah ini?

CD: Untuk menambah bilangan sekolah ini kerana pelajar pun semakin bertambah maka pihak sekolah telah mengadakan rundingan dengan pihak atasan namanya Jabatan Pelajaran untuk supaya bangunan semakin boleh ditambah. Usaha ini sebenarnya sudah dicetuskan dalam mesyuarat agung PIBG [Persatuan ibu-bapa dan Guru] dimana ibu bapa juga telah bersetuju untuk membawa penambahan bangunan ini kepada pihak yang lebih atas lagi lah ke pihak yang berkuasa dan juga kami selaku guru-guru disini telah berusaha membawa surat untuk dibawa ke pihak atasan lah.

NN: Siapakah antara yang terlibat dalam urusan untuk mendapatkan tanah untuk membina sekolah tersebut?

CD: Orang yang terlibat untuk mendapatkan tanah ini guru besar, guru-guru, ajk-ajk berkait dengan sekolah kemudian tuan tanah sendiri dan pihak kerajaan. Ketiga-tiga ini selalu mengadakan perbincangan supaya bangunan baru ini dapat dibina lah.

NN: Setelah mendapat tapak tanah yang baru apakah tindakan yang selanjutnya yang dilakukan oleh pihak sekolah pada ketika itu?

CD: Setelah dapat tanah yang baru pihak sekolah telah jumpa dengan pejabat pelajaran dan meminta bangunan baru dan mereka memberitahu bahawa tapak untuk membina sekolah itu sudah ada jadi cuma tunggu lagi peruntukan untuk membina bangunan sahaja lagi. Jadi pihak sekolah kerajaan telah pun bersetujulah pada asalnya untuk membina bangunan baru memandangkan tanah pun sudah ada. Cuma mereka masih lagi menunggu peruntukan ataupun kewangan menunggu peruntukan daripada pihak berkuasa lagi lah.

NN: Jadi apakah fungsi Jabatan Pelajaran Kelantan dalam membantu pembangunan sekolah itu?

CD: Pihak jabatan pelajaran kelantan memainkan peranan penting lah dalam membantu pembangunan sekolah ini iaitu pertama pihak jabatan pelajaran telah berusaha mencari dana baru meminta bantuan daripada kerajaan pusat untuk memberi sumbangan 1980kemudian pihak jabatan juga telah menghantar guru-guru yang terlatih guru-guru yang berpengalaman untuk - - dan juga kerajaan telah-Pihak Jabatan Pelajaran telah membekalkan peralatan-peralatan yang sesuai lah untuk pembelajaran pada masa ini dimana peralatannya kira sudah mencukupi untuk pelajar-pelajar belajar dalam keadaan selesa.

NN: Jadi mengapakah pembinaan pembangunan sekolah itu tidak dapat dilaksanakan?

CD: Pada awalnya pembinaan bangunan ini memerlukan kos yang tinggi jadi pihak kerajaan perlu membuat pertimbangan yang mana dimana dan bila bangunan baru itu perlu dibina. Ini bergantung kepada kos yang sanggup kerajaan keluarkan untuk membina bangunan baru ini kerana bangunan baru memerlukan - - sekarang ni bangunan baru melibatkan projek berjuta-juta jadi kerajaan terpaksa mencari satu masa yang sesuai lah dengan keadaan ekonomi negara kita - - Kerajaan terpaksa menunggu keadaan ekonomi kita yang baik apabila mempunyai pendapatan yang tinggi maka kerajaan boleh membina bangunan baru ini.

NN :Jadi mengapakah pembinaan sekolah itu tidak dapat dilaksanakan ketika itu?

CD :Beberapa faktor telah menyebabkan bangunan tidak dapat dibina pada masa itu. Walau bagaimanapun, pembinaan tidak dapat dilaksanakan kerana kekurangan peruntukkan dan beberapa masalah telah timbul jadi projek ini terpaksa dimasukkan pula didalam peruntukkan pinjaman bank dunia yang keempat [4] iaitu surat per-Jabatan Pelajaran telah keluarkan kepada-iaitu nombor siri PPKM2482/SJ5564 iaitu bertarikh *tujuh* [7] Mei 1977.

NN :Bagaimanakah pada tahun 1980 proses pembinaan sekolah itu dapat dilakukan semula?

CD :Akhirnya pada *dua puluh dua* [22] Jun 1980 proses pembinaan bagi bangunan baru yang berkeluasan *dua ratus empat puluh* [240] ka-kaki kali *dua puluh* [20] kaki telah pun bermula. Bangunan- bangunan *dua* [2] tingkat dengan peruntukkan a-asalnya sebanyak 380, 000, dan dijangka siap pada *dua puluh* [20] September 1981. Iaitu bangunan ini mengandungi *sembilan* [9] buah bilik darjah, sebuah pejabat, bilik guru, sebuah bilik tv [televisyen] dan sebuah bilik perpustakaan. Kemudian, kemudahan lain ialah seperti kantin, tempat perhimpunan murid serta pagar sekolah.

NN :Jadi, berapakah kelulusan bajet yang diperuntukkan bagi pembinaan bangunan bangunan baru itu?

CD :(sedang berfikir) Apabila tapak tanah disekolah ini diperolehi seluas kira-kira (angkat tangan sebagai tanda tunggu). Peruntukkan ini (berfikir) kelulusan bajet (berfikir) soalan nombor berapa itu?---Soalan *tujuh puluh sembilan* [79]-- (membelek kertas soalan) *Bakpo* [kenapa] bajet tiada disini jawapan ini---[diberhentikan rakaman]

NN :Daripada manakah sumber bajet itu diperolehi?

CD :(Berdehem)Apabila tapak tanah sekolah diperolehi seluas kira kira *enam* [6] ekar 500 depa maka satu permohonan telah dibuat kepada pihak Kementerian Pelajaran Malaysia melalui Jabatan Pelajaran Negeri untuk mendapatkan sebuah bangunan baru, jadi pada tahun 1975, Jabatan Pelajaran Kelantan telah memasukkan projek bangunan baru bagi sekolah ini kerana dalam 'Rancangan Malaysia Ketiga' . Untuk dipertimbangkan oleh pihak kementerian. Jadi, suratnya ialah bertarikh *tiga* [3] Jun 1975 yang nombor sirinya ialah PPKM2482/SJ5564.

NN :Jadi, mengapakah pembinaan sekolah itu terhenti sehingga disambung semula pada September 1982?

CD :Ya, pembinaan sekolah tersebut terpaksa diberhentikan sehingga-kemudian disa-dihentikan sehingga disambung semula pada bulan September 1982. Ketika ia yang gagal untuk disiapkan untuk di bahagian-antara beberapa orang kontraktor, telah dibahagikan kepada beberapa orang kontraktor. Jadi, sekolah itu telah-telah diduduki sebelum ianya disiapkan. Jadi sekolah ini siap dibina sepenuhnya pada bulan Sept-November 1983.

NN :Jadi, apakah usaha lain yang dilakukan bagi menampung bilangan murid yang semakin bertambah pada tahun 1986?

CD :Untuk menampung pertambahan murid sebab sebab sebuah sekolah-sebuah bangunan telah dibina secara gotong royong iaitu dbina pada *dua puluh satu* [21] Ogos 1986 dengan peruntukkan sebanyak 50,000 *Ringgit* [matawang Malaysia].

NN :Adakah terdapat penambahan bangunan baru di sekolah ini? Kalau ada apakah kepentingan bangunan tersebut?

CD :(angkat tangan sebagai tanda berhentikan rakaman) *Hok* [Adakah] ini yang pasal (membaca sesuatu dikertas)....

NN :Daripada manakah sumber bajet itu diperolehi?

CD :(Berdehem)Apabila tapak tanah sekolah diperolehi seluas kira kira *enam* [6] ekar 500 depa maka satu permohonan telah dibuat kepada pihak Kementerian Pelajaran Malaysia melalui Jabatan Pelajaran Negeri untuk mendapatkan sebuah bangunan baru, jadi pada tahun 1975, Jabatan Pelajaran Kelantan telah memasukkan projek bangunan baru bagi sekolah ini kerana dalam 'Rancangan Malaysia Ketiga' . Untuk dipertimbangkan oleh pihak kementerian. Jadi, suratnya ialah bertarikh *tiga* [3] Jun 1975 yang nombor sirinya ialah PPKM2482/SJ5564.

NN :Jadi, mengapakah pembinaan sekolah itu terhenti sehingga disambung semula pada September 1982?

CD :Ya, pembinaan sekolah tersebut terpaksa diberhentikan sehingga-kemudian disahentikan sehingga disambung semula pada bulan September 1982. Ketika ia yang gagal untuk disiapkan untuk di bahagian-antara beberapa orang kontraktor, telah dibahagikan kepada beberapa orang kontraktor. Jadi, sekolah itu telah-telah diduduki sebelum ianya disiapkan. Jadi sekolah ini siap dibina sepenuhnya pada bulan Sept-November 1983.

NN :Jadi, apakah usaha lain yang dilakukan bagi menampung bilangan murid yang semakin bertambah pada tahun 1986?

CD :Untuk menampung pertambahan murid sebab sebab sebuah sekolah-sebuah bangunan telah dibina secara gotong royong iaitu dbina pada *dua puluh satu* [21] Ogos 1986 dengan peruntukkan sebanyak 50,000 *Ringgit* [matawang Malaysia].

NN :Adakah terdapat penambahan bangunan baru di sekolah ini? Kalau ada apakah kepentingan bangunan tersebut?

CD :(angkat tangan sebagai tanda berhentikan rakaman) *Hok* [Adakah] ini yang pasal (membaca sesuatu dikertas)....

NN :Adakah terdapat penambahan bangunan baru di sekolah ini? Kalau ada apakah kepentingan bangunan tersebut?

CD :(angkat tangan sebagai tanda berhentikan rakaman) *Hok* [Adakah] ini yang pasal (membaca sesuatu dikertas)...

NN: Siapakah antara yang terlibat dalam urusan untuk mendapatkan tanah untuk membina sekolah tersebut?

CD: Orang yang terlibat untuk mendapatkan tanah ini guru besar, guru-guru, ajk-ajk berkait dengan sekolah kemudian tuan tanah sendiri dan pihak kerajaan. Ketiga-tiga ini selalu mengadakan perbincangan supaya bangunan baru ini dapat dibina lah.

NN: Setelah mendapat tapak tanah yang baru apakah tindakan yang selanjutnya yang dilakukan oleh pihak sekolah pada ketika itu?

CD: Setelah dapat tanah yang baru pihak sekolah telah jumpa dengan pejabat pelajaran dan meminta bangunan baru dan mereka memberitahu bahawa tapak untuk membina sekolah itu sudah ada jadi cuma tunggu lagi peruntukan untuk membina bangunan sahaja lagi. Jadi pihak sekolah kerajaan telah pun bersetujulah pada asalnya untuk membina bangunan baru memandangkan tanah pun sudah ada. Cuma mereka masih lagi menunggu peruntukan ataupun kewangan menunggu peruntukan daripada pihak berkuasa lagi lah.

NN: Jadi apakah fungsi Jabatan Pelajaran Kelantan dalam membantu pembangunan sekolah itu?

CD: Pihak jabatan pelajaran kelantan memainkan peranan penting lah dalam membantu pembangunan sekolah ini iaitu pertama pihak jabatan pelajaran telah berusaha mencari dana baru meminta bantuan daripada kerajaan pusat untuk memberi sumbangan kemudian pihak jabatan juga telah menghantar guru-guru yang terlatih guru-guru yang berpengalaman untuk - - dan juga kerajaan telah-Pihak Jabatan Pelajaran telah membekalkan peralatan-peralatan yang sesuai lah untuk pembelajaran pada masa ini dimana peralatannya kira sudah mencukupi untuk pelajar-pelajar belajar dalam keadaan selesa.

NN :Jadi, adakah terdapat penambahan bangunan baru disekolah ini?Jadi kalau ada, apakah kepentingan bangunan tersebut?

CD :Ya, (berdehem) sepanjang saya berkhidmat disekolah ini, kita ada membuat penambahan bangunan baru dimana bangunan ini telah dibina pada tahun sembilan belas-sembilan belas—bukan bukan. Pada dibina pada tahun dua ribu-*dua ribu sembilan* [2009] dibina dan siap pada tahun 2011. Jadi, bangunan yang baru dibina ini memberi peluanglah kepada pelajar untuk belajar dengan lebih selesa kerana penambahan bilik darjah-kerana penambahan bilik darjah menyebabkan murid murid dapat belajar dengan baik kerana kalau ikut yang bangunan yang-lama murid murid belajar dalam satu suasana yang tidak selesa dimana satu orang-satu kelas itu mengandungi *tiga puluh lima* [35] sehingga *empat puluh orang* [40]. Dengan siapnya bangunan baru ini, bilangan pelajar dapat dikurangkan daripada *satu* [1] kelas *satu* [1] kelas. Walaupun gi-dengan begitu murid murid dapat belajar dengan lebih selesa dalam suasana yang ko-cukup kondusif untuk mereka meneruskan pelajaran.

NN :Jadi, adakah cikgu ingat bilakah bangunan itu dijangka siap dan boleh mula diduduki oleh pelajar?

CD :Seperti yang saya maklum tadi, bangunan ini dijangka siap pada tahun 2011 dan memanglah bangunan pun siap dan pada tahun 2011 kita dah boleh mula berpindah ke bangunan baru ini. Bangunan baru ini sebanyak *empat* [4] tingkat dimana panjangnya lebih kurang *seratus* [100] kaki. *Loni* [sekarang] cukuplah untuk menampung pelajar pelajar disekolah ini?

NN :Jadi, sepanjang cikgu berkhidmat bangunan manakah yang paling lama dibina disekolah ini dan apa fungsi bangunan tersebut?

CD :Apa yang saya ingat ialah bangunan paling lama ialah bangunan *dua* [2]-batu *dua* [2] tingkat yang berada dibelakang sana nuh[itu]. Bangunan ini merupakan bangunan yang memang mempunyai banyak tug-fungsi lah masa ini. Kerana masa disinilah pelajar yang ramai ini, seramai masa itu pelajarnya seramai 550 orang belajar di dua buah bangun- di bangunan di dua bangunan sahaja. Dan, bangunan yang sebelah hujung sana *nuh* [sana] (sambil menunjuk ketepi) iaitu merupakan bangunan asal yang dibina oleh *PIBG* [Pusat Ibu Baru dan Guru]. Dan satu ketika pihak sekolah telah mendapat arahan supaya mengosongkan bangunan yang lama ,kerana tidak selamat untuk diduduki. Jadi daripada situlah pa-pe-daripada situlah pihak sekolah telah berusaha untuk mendapat bangunan baru yang ada hari ini. Memandangkan dari segi keselamatan pelajar dan juga dari segi ruang untuk belajar tidak selesa.

NN :Jadi, sepanjang cikgu berkhidmat berapakah jumlah keseluruhan bangunan yang ada pada ketika itu?

CD :Kejap.(Angkat tangan) Oh ketika ini, jadi, sepanjang yang saya berada disini o-kita sudah ada dua bangunan baru yang telah bertambah. Yang ini satu bangunan empat tingkat siap pada tahun sembilan belas-2011 dan satu lagi bangunan yang baru yang satu tingkat siap pada tahun inilah pada tahun 2018. Jadi keseluruhan semua bangunan ini ada-ada lima buah bangunan sekarang ini. Dan satu bangunan kita tidak guna kerana kita telah biar kesana kerana bangunan itu tidak selamat untuk digunakan. Yang kita masih berguna masih beroperasi empat bangunanlah sekarang ini.

NN :Jadi, mengapakah bangunan itu tidak selamat digunakan?

CD :Mengikut *Jabatan Kerja Raya*(JKR) bangunan itu telah melebihi tarikh luputlah kalau kita kira setelah melebihi tempoh dia, jadi terpaksa di-dirobohlah tapi kerana-walaupun begitu kita pikir [fikir] boleh lagi digunakan untuk menyimpan barang barang sahajalah. Untuk-untuk-- tetapi tidak sesuai untuk dijadikan kelas untuk belajar. Dan sekarang ini pun kita guna untuk menyimpan kerusi, meja untuk di-digunakan oleh murid lah. Bangunan ini tidak selamat dari segi pertama dari segi pendawaian elektrik dimana elektriknya pendawaiannya telah lama jadi pihak *JKR* [Jabatan Kerja Raya] bimbang berlaku pintas-apa ini gangguan lintasan elektrik lah. Gangguan elektrik juga dan kadang kadang kalau musim hujan ada tempat beberapa tempat yang sudah bocor. Jadi perlu dibaik pulih ataupun dirobohkan. Jadi kami—mengikut *Jabatan Kerja Raya*[JKR] memang tidak layak diduduki lah untuk dijadikan kelas, memang tidak layak untuk dijadikan kelas.

NN :Jadi, boleh tak cikgu ceritakan maklumat kontraktor-kontraktor yang terlibat dalam usaha untuk menambahkan bangunan ini?

CD :Apa yang saya maklum tahu untuk bangunan yang baru ini yang *empat* [4] tingkat ini kontraktornya ialah orang sekitar Machang [Kelantan] dan untuk bangunan terbaru yang di belakang sana itu ialah kontraktornya dari Kota Bharu [Kelantan]. Dan kontraktor ini dapat menyiapkan lah dalam tempoh yang sedemikian ditetapkan walaupun menghadapi beberapa masalah tapi dapat disiapkan sebagaimana yang dikehendaki oleh pihak jabatan.

NN :Agak-agak berapa ramai jumlah kontraktor yang terlibat pada ketika itu?

CD :Saya rasa-saya pun kurang pasti berapa ramai tapi yang dapat saya ci-cite [cerita]kontraktor ini dia, dia ada banyak dia punya sub [bahagian] dia. Ada bahagian pedawaian elektrik, ada yang bahagian bangunan, ada yang bahagian pagar. Jadi, mungkinlah kontraktor ini dia dah ada kongsi sama-tidak pastilah.

NN :Boleh tak cikgu kongsi peristiwa peristiwa penting lain yang telah berlaku pada bangunan di Sekolah Belukar ini?

CD :Apa yang saya ingat untuk sepanjang yang saya ingat apa yang berlaku ributlah. Ribut yang kuat dimana tingkapnya telah pecah, pa-papan kenyataannya sudah terbalik, dan atap-atap bumbungnya yang telah tercabut. Jadi semua ini menyebabkan sekolah bila hujan—bila atap tercabut—bila hujan maka berlakunya kebocoran. Apabila tingkap pecah, membahayakan kepada pelajar lah yang belajar sini, dimana kita terpaksa mengarahkan murid murid tidak mendekati kawasan yang menghadapi-kawasan yang mengandungi kaca yang berterabur di atas simen itu.

NN :Selain daripada itu adakah peristiwa peristiwa lain yang pernah berlaku?

CD :Ada juga beberapa peristiwa lain seperti disekolah ini dinaiki oleh ular dimana pihak sekolah terpaksa memanggil jabatan-Jabatan Bomba untuk menangkap ular tersebut kerana kami fikir ular itu bahayalah kepada pelajar-murid murid jadi pihak sekolah telah mengambil jalan yang kira untuk keselamatan budak, pihak sekolah telah memanggil bomba dengan segera datang untuk menangkap ular tersebut. Jadi akhirnya ular tersebut berjaya ditangkap dan dibawa keluar dari bangunan sekolah. Kemudian ada juga gangguan daripada monyet yang sekitar berada disini. Namun begitu, lama lama kita telah mengadakan--mengambil cara menebang pokok pokok yang berada disekitar bangunan. Bangunan ini pokok pokok merupakan tempat jalan laluan bagi monyet monyet ini datang kesekolah ini. Apabila kami tebang—pihak PIBG [Persatuan Ibu Bapa dan Guru] bergotong royong menebang pokok ini maka monyet yang berada disekitar ini tidak datang kesekolah ini lah. Pada masa itu, monyet selalu berkeliaran dikawasan sekolah, di bumbung bumbung, di koridor sekolah ini.

NN :Jadi selepas berlakunya peristiwa peristiwa seperti yang cikgu nyatakan, apakah usaha yang dilakukan oleh pihak sekolah untuk membaiki kerosakkan bangunan tersebut?

CD :Pihak sekolah telah membawa-telah membuat aduan kepada Jabatan Pendidikan Daerah, dimana Jabatan Pendidikan Daerah telah mengambil maklum dan telah mengambil langkah dengan membaik pulih bangunan bangunan yang rosak tadi dalam masa yang singkat. Jadi kita terima kasihlah pada pihak jabatan kerana me-mengambil tindakan yang segera apa yang kami laporkan oleh pihak sekolah.

NN :Jadi bagaimanakah keadaan sekolah ini, pada mula mula cikgu mengajar disini?

CD :Semasa saya mengajar disini saya dapati, pertama sekali ialah dari segi kekurangan bangunan lah. Sebabnya saya dapati murid murid belajar tidak selesa dimana murid terpaksa belajar dikantin, kantin sekolah, belajar sebagai—di kelas kelas yang tidak selesa dimana kelas kelas yang kecil, sempit. Jadi akhirnya melalui usaha yang dibuat pihak sekolah beserta dengan *PIBG* [Persatuan Ibu Bapa dan Guru], kita telah mengambil satu keputusan untuk memohon untuk membina bangunan baru.

NN :Dulu satu kelas berapa orang pelajar?

CD :Kita pernah ada satu kelas seramai hampir hampir *empat puluh* [40] orang. *Tiga puluh sembilan* [39], *Tiga puluh lapan* [38] (mengira jumlah pelajar ketika itu). Tapi sekarang ini setelah-- oleh kerana ada bangunan baru, muridnya dapat dikurangkan kepada bawah daripada *tiga puluh orang* [30]. *Tiga puluh* [30] hingga—kebawah hingga—lebih bawah apa ini *dua puluh* [20] hingga *tiga puluh* [30] orang satu kelas. Jadi apabila gini [begini] bilangan murid itu sedikit maka mereka dapat belajar dengan lebih selesa.

NN :Jadi, pada ketika itu berapa jumlah guru guru disekolah itu?

CD :Pada masa itu gurunya lebih kurang *empat puluh lima* [45] orang. Dimana bilangan guru lelaki dengan guru perempuan hampir sama banyak, pada masa itu.

NN :Adakah segala kelengkapan sekolah dan juga kelas untuk pelajar sekolah ini mencukupi? Atau bagaimana suasana pengajaran dan juga pembelajaran pada ketika itu?

CD :Pada ketika itu, peralatan sekolah pun sudah mencukupi cuma kita perlu memohon dari pejabat Jabatan Pelajaran dan memandangkan beberapa kerusi meja yang setiap tahun kita mengalami kerosakkan, jadi kita terpaksa minta setiap tahun dengan jabatan dan mereka pihak jabatan pun telah meluluskan dan menghantar kerusi baru, meja baru untuk kegunaan kita sekolah ini.

NN :Adakah pihak sekolah ini mendapat sumber kelengkapan dari sumber lain selain daripada sumber kerajaan?

CD :Untuk peralat-meja kerusi murid kita banyak bergantung kepada kerajaan. Untuk kerusi yang plastiknya kita telah mintak sumbangan daripada pihak luar dan mereka telah memberi kita sebanyak—pada peringkat awalnya mereka telah memberi sebanyak seratus buah. Dan juga melalui usaha *PIBG* [Persatuan Ibu Bapa dan Guru] kita telah mendapat wang untuk tujuan untuk membeli kerusi sahaja. Jadi pihak *PIBG* [Persatuan Ibu Bapa dan Guru] – melalui surat *PIBG* [Persatuan Ibu Bapa dan Guru], pihak syarikat atau pihak kedai yang bekalkan peralatan itu telah bersetuju untuk memberi kita—memberi kita kerusi secara percuma sebanyak *lima puluh* [50] biji dan juga kalau kita beli pun dapat dengan harga yang murah. Jadi, memandangkan mereka fikir, mereka untuk menyumbang kepada pihak sekolah lah.

NN :Contoh pihak luar yang memberi yang membantu memberikan sumbangan itu?

CD :Pihak luar ini biasanya saya-kita telah bawa surat daripada sekolah memohon dengan kedai kedai perabot lah, dimana kedai yang menjual perabot itu secara sukarela telah memberi kita sumbangan kerusi memandangkan mereka fikir ini adalah cara mereka untuk menyumbang kepada budak budak. Budak budak pelajar kita. Dan mereka memberi secara percuma.

NN :Jadi selalunya, bagaimanakah cadangan untuk penumbuhan bangunan baru bagi Sekolah Kebangsaan Belukar dilakukan pada sekarang?

CD :Untuk menambah bangunan baru ini, kita guru besar biasanya cadangan kedalam mesyuarat agung PIBG [Persatuan Ibu Bapa dan Guru]. Guru besar akan menceritakan tentang mengapa kita perlu mengadakan bangunan baru. Untuk kita membina bangunan baru. Dan dalam mesyuarat agung PIBG [Persatuan Ibu Bapa dan Guru] ini lah kita mendapat kata putus supaya bangunan baru diminta kepada pihak yang bertanggungjawab, pihak yang berkuasa. Dan hasil usaha ini, kita bermesyuarat lagi, beberapa kali mesyuarat kemudian kita telah bersetuju membuat surat dan surat ini telah dihantar ke pihak kerajaan dan pihak kerajaan telah meluluskan lah untuk membina bangunan baru yang ada hari ini.

NN :Jadi biasanya berapa lama masa yang diambil untuk dapat keputusan daripada pihak kerajaan?

CD :Untuk mendapat kelulusan ini kita mengambil masa juga kerana kerajaan pun bergantung kepada punca kewangan yang ada. Jadi, kalau nak-kalau nak kira bangunan yang dibina ini kita mengambil masa dalam setahun jugalah sebabnya—lebih pada setahun, lebih lagi. Bergantung kepada keperluanlah. Bergantung kepada kewangan kerajaan. Dan kita pernah minta bangunan ini selama dalam beberapa kali mesyuarat agung. Akhirnya pihak jabatan telah bersetuju untuk membina bangunan baru yang ada pada hari ini, yang empat tingkat ini.

NN :Jadi, boleh tak cikgu menceritakan pengalaman cikgu dalam usaha untuk mencadangkan dan menambahkan bangunan di kawasan Sekolah Kebangsaan Belukar ini?

CD :Ikut pengalaman saya, saya selaku bendahari PIBG [Persatuan Ibu Bapa dan Guru]—Jadi dalam mesyuarat itu, mesyuarat jawatankuasa, iaitu mesyuarat agung, kita telah bersetuju membina bangunan—kata putusuntuk membina bangunan baru dengan memohon bangunan baru. Jadi kita dalam mesyuarat AJK [Ahli Jawatan Kuasa] pula berbincang lagi supaya membuat surat kepada pihak berkuasa dan saya telah beberapa kali lah bersama dengan pengerusi berapa sama guru besar semua membuat laporan kepada pejabat meminta bangunan baru dan orang orang politik masa itu pun terlibat sama dalam memberi sokongan kepada kita. Jadi semua ini dia-kita telah – usaha guru besar telah menghantar permohonan ini kepada pihak jabatan lah.

NN :Pada ketika itu, bangunan manakah cikgu mencadangkan untuk menambah?

CD :Pada masa itu kita telah mencadangkan tapaknya dibina di padang sekolah, dikawasan sebelah bangunan lama itu memandangkan kita—sebenarnya kawasan ini dulu adalah padang sekolah, padang sekolah. Jadi, kita terpaksa korbankan padang untuk membina bangunan ini. Jadi masa itu kita mempunyai padang yang luas, jadi kita fikir kita boleh ambil satu bahagian kecil untuk membina bangunan kerana bangunan ini lebih penting lah lagi nak kira untuk keselesaan pelajar.

NN :Jadi, kenapakah cikgu mencadangkan untuk bangunan tersebut dibina di sekolah ini?

CD :Kami pihak cikgu dan jawatankuasa PIBG [Persatuan Ibu Bapa dan Guru] dah keluar dalam mesyuarat agung mencadangkan bina bangunan baru kerana memandangkan bilangan muridnya semakin bertambah. Murid sekolah semakin bertambah dan juga untuk memberi keselesaan kepada pelajar dimana supaya-dimana supaya murid murid dapat belajar dengan lebih baik. Kerana kalau kira bangunan lama, suasana yang tidak selesa, musim panasnya, musim hujannya pula. Kadang kadang berlaku bocor jadi kita pun fikir satu bangunan baru perlu dibina lah. Menggantikan bangunan bangunan lama.

NN :Jadi pada ketika ini, berapakah jumlah tenaga pengajar disekolah ini? Dan berapa jumlah pelajar ketika ini?

CD :Pada masa sekarang ini, cikgunya seramai empat- *tiga puluh lapan* [38]- *tiga puluh sembilan* [39] orang dan pelajarnya hampir 500 oranglah setakat ini.

MS :Pelajar pelajar itu terdiri daripada kawasan Machang ini juga ke?

CD :Pelajarnya sekitar kawasan kam-kawasan Belukar iaitu melibatkan beberapa buah kampung iaitu Kampung Muka Bukit, Kampung Air Berlaga, Kampung Guntong, Kampung Pastal, Belukar sendiri, Kampung Banggol Judah dan juga Kampung Selimbar yang dekat belakang itu. Jadi murid murid kawasan kampung kampung ini lah yang bersekolah di SK Belukar ini.

NN :Jadi pada ketika ini, adakah masih wujud lagi bangunan kayu ?

CD :Buat masa ini bangunan kayu sudah tidak ada, semuanya telah bangunan batu-bangunan batu. Cuma atapnya masih ada beberapa bangunan yang atapnya zink. Walaupun begitu, atap zink pun masih baru dipasang jadi tidak ada masalah lah pada sekarang ini. Atap zink pun baru ditukar jadi kita dapat belajar dengan baiklah, sekolah pun tidak ada berlaku kebocoran lagi. Buat masa sekarang ini.

MS :Adakah bangunan untuk pra sekolah itu ada lama dah?

CD :Untuk bangunan pra sekolah kita telah ada satu bangunan baru, satu kelas sahaja untuk bangunan sekolah itu sahaja. Bangunan baru iaitu kita letakkan pra terbilang dan satu kelas lagi pelajar pra juga kita guna, masih guna bangunan lama lah. Maknanya, satu bangunan pra kita bina asingkan. Satu kelas untuk pra kita asingkan daripada—sekolah ini. Dekat belakang bangunan sekolah yang bangunan blok B.

NN :Jadi, adakah bangunan pra sekolah ini dah mula ada pada awal awal dulu?

CD :Seingat saya apabila saya datang ke sekolah ini pada tahun *sembilan belas* [19] itu sudah ada, sudah ada kelas pra pada masa itu. Dimana kelas pra pada masa itu hanya ada dibangunan lama juga. Tapi kerana lama lama pihak kerajaan telah meluluskan untuk membina bangunan barulah. Bangunan pra lah khas untuk pra yang baru.

NN :Mengenai isu tanah, bagaimanakah pula isu tanah yang belum diselesaikan? Adakah berlaku sebarang tuntutan daripada tuan tanah sehingga hari ini?

CD :Masalah isu tanah ini, kita telah bawa kepada pihak jabatan—kita buat laporan kepada jabatan dan juga dalam proses penyelesaian sekarang ini kerana isu tanah ini melibatkan pemberian orang tua, orang orang zaman dulu. Jadi pihak anak dia masih menuntut bahawa tanah ini milik lag- masih lagi milik dia dan kita terpaksa membuat laporan kepada pihak tanah dan pihak pejabat-jabatan dan Jabatan Ukur telah datang semula pada tahun ini untuk membuat ukur semula dimana mereka pejabat Jabatan Ukur telah menggariskan, telah menetapkan bahawa tanah yang ada sini ialah memang tanah sekolah lah. Dan pihak—dalam masa yang sama juga pihak tuan tanah yang lama telah membuat laporan juga kepada pejabat tanah masih lagi yang mendakwa tanah dia. Jadi walaupun begitu, kita masih lagi berundinglah untuk mendapatkan kata putus yang akan mendapatkan kata yang muktamad lah. Jadi masalahnya kira kira dalam proses perbincangan untuk mendapatkan muktamad lah. Kerana mengikut orang zaman—mengikut orang dulu, zaman arwah ayah dia itu memang dia dah bagi kepada sekolah, tapi kalau mengikut peringkat anak ini dia kata belum ada hitam putih lagi. Jadi inilah masalahnya pada masa itu, jadi kita tidak mendapat kata putus lagi lah.

MS :Cikgu agak agak bila boleh dapat kata putus itu?

CD :Saya tak pasti sebab ini melibatkan banyak pihak. Iaitu Jabatan Ukur, Jabatan Pelajaran dan juga Jabatan—Majlis—Pejabat Tanah Jajahan Machang sendiri. Jadi walaupun begitu kita telah beberapa kali membuat usul supaya selesaikan masalah ini dengan segeralah. Jadi kita tengoklah macam mana perkembangan selanjutnya. Sebab benda itu berlaku dalam tahun-tahun 2018 ini sahaja baru. Sebelum ini kita tak pernah dengar pihak luar membuat tuntutan.

NN :Jadi adakah bukti yang menunjukkan tanah ini adalah milik masih lagi milik arwah ayah dia ataupun milik kerajaan?

CD :Kalau mengikut geran yang dikeluarkan, kita sudah ada geran sekolah dan bersama dia pun sudah ada geran juga, geran tanah. Cuma geran tanah dengan geran dia tidak sama. Dia geran—tuan punya masih lagi versi lama dan kita masih lagi-sudah versi baru. Jadi, dia masih lagi berpegang kepada yang lama dia itu. Jadi inilah terpaksa nak selesainya melalui hanya melalui Jabatan Tanah sahaja dan juga Jabatan Ukur. Walaupun begitu kita telah usaha yang mampu dan kedua dua jabatan ini telah pun mengadakan perbincangan dan terserahlah pada pihak atas untuk menyelesaikan perkara ini.

HARAPAN DAN PANDANGAN

NN :Okay. Mengenai harapan dan pendapat cikgu. Pada pendapat cikgu, apakah punca punca menyebabkan berlakunya kekaburan tentang sejarah lama disekolah ini?

CD :Pada pandangan saya, untuk mendapatkan sejarah yang lebih tepat itu memang sukar kerana guru guru, guru masa itu juga guru besar pada masa itu, orang orang kampung pada masa itu telah—kalau guru besar dia berpindah ke sekolah lain dan guru guru pun berpindah ke sekolah lain. Maka kita tidak ada satu catatan khusus untuk ditinggal ke sekolah ini. Kalau guru besar yang dulu, apabila habis tamat-tamat tempoh dia bertukar ke sekolah lain. Jadi sejarah itu dia akan bawa bersama dia. Begitu juga orang kampung yang lama lama apabila dia meninggal benda itu dia tidak cerita kepada generasi baru maka generasi baru pun terputuslah untuk maklumat, tak dapatlah maklumat yang sebenar tentang pembinaan sekolah peringkat awal sekolah ini. Maklumat yang kita dapat hari ini pun melalui tidak tulis, betul betul tulis lah sebabnya dah mulut ke mulut sahaja. Sepatutnya benda ini—tapi tidak adalah orang yang nak merekodkan nak mencatatkan peristiwa bersejarah ini. Cuma kita bergantung lagi, masih lagi ada lah beberapa orang yang kampung yang masih lagi orang tua tua itu kita bolehlah bertanya khabar lagi —(percakapan tidak jelas)—yang dia—orang kampung ini pun dah tua tua pun tak berapa ingat juga kerana faktor usialah kita katakan faktor usia mereka.

MM :Pada pendapat cikgu, penting ke untuk setiap sejarah itu dicatat?

CD :Pada pendapat saya, sejarah ini perlu dicatat dan orang yang mencatat ini perlu lah satu adalah dalam simpanan mana mana pihak yang sesuai lah untuk menyimpan bahan bahan bersejarah ini. Kalau tidak, kalau tidak benda ini akan terputus. Macam kita, sejarah. Biasanya orang tulis sejarah sejarah orang penting penting sahaja ambil, tarikh tarikh penting yang dia ingat. Tapi kita—saya rasa perlulah ada satu pihak yang menguruskan perjalanan sejarah ini. Mengambil kira apa ini pihak yang perlu untuk mencatat apa yang berlaku di sekitar kehidupan mereka ini.

NN :Jadi, apakah pendapat cikgu dalam bagaimana caranya orang zaman dulu membina sekolah untuk pelajar?

CD :Orang zaman dulu tadi saya dah cerita tentang caranya lebih kepada gotong royong lah. Pada masa itu keadaan mereka, muafakat antara mereka lebih kuat. Jadi apabila— dan juga mereka lebih patuh kepada pemimpin. Apabila pemimpin mereka seperti Imam atau ketua kampung mencadangkan satu benda, satu perkara orang orang dibawah pun boleh terima dengan mudah. Jadi, beginilah saya rasa ketaatan orang kepada pemimpin lebih patutlah kita utamakan kerana apa yang diputuskan oleh pemimpin rasanya untuk membawa kebaikan dan kita perlu selaku orang bawah perlulah mematuhi ataupun taat kepada perintah supaya apa apa yang diberitahu dapat dilaksanakan dengan baiklah.

NN :Jadi, apakah perubahan yang paling ketara dalam pembangunan disekolah ini sepanjang cikgu berada disini?

CD :Apa yang saya ingat, sekolah ini mengalami perubahan lah. Sebabnya daripada dua bangunan bar-bangunan, sekarang ini sudah ada lima bangunan. Jadi dengan adanya bangunan baru, murid murid dapat belajar dengan selesa dan kemudahan kemudahan yang ada bangunan baru pun lebih orang kata lebih moden daripada dulu, jadi tidak ada masalah lah untuk budak belajar sekarang ini.

NN :Jadi, pada pendapat cikgu apa yang perlu pelajar dan pihak sekolah perlu lakukan supaya bangunan sekolah ini sentiasa terpelihara supaya tahan lama dan kukuh untuk kegunaan masa hadapan.

CD :Kita pihak sekolah selalu memberitahu pada pelajar pada murid murid bahawa setiap orang perlu menjaga harta kerajaan dimana harta inilah tempat- harta benda tempat mereka sekolah ini lah tempat mereka belajar. Jadi, mereka perlulah menjaga bersama sama supaya tidak rosak. Dan ini kita bagitahu setiap kali perhimpunan mingguan bahawa hargailah bangunan sekolah yang ada kerana inilah tempat kita menimba ilmu. Jadi setakat ini, peringkat rendah ini, murid murid masih lagi dapat menjaga lah bangunan bangunan kita ini dengan baik. Cuma kita harap benda ini dapat kekalkan lah supaya bangunan yang ada hari ini, kita kena tahu bahawa nak dapatkan sebuah bangunan ini memerlukan masa yang lama dan melalui proses yang sukar. Jadi kita terap kepada murid murid supaya menghargai kemudahan yang ada pada hari ini.

NN :Jadi, harapan cikgu sendiri terhadap sekolah ini untuk generasi akan datang?

CD :Harapan saya supaya sekolah ini dapat berkembang dengan baik dan pelajar pelajarannya—pencapaiannya pelajarannya semakin meningkat dan kalaulah satu masa nanti bilangan pelajarannya bertambah, jadi pihak berkuasa dapat membina bangunan lain yang lebih baru lagi yang-yang bangunan satu lagi tambah itupun bergantung kepada keperluan pelajarlah, bilangan pelajar. Jadi kita harap bangunan yang kita ada ini jaga elok elok dan pelajarannya juga seiring dan berkembang dengan baik supaya dunia hari ini, pada murid murid hari ini dapat meneruskan kehidupan mereka dengan lebih baik pada masa sekarang ini kerana cabaran pada masa hadapan lebih lagi. Jadi kita tekankan kepada murid bahawa ilmu itu penting untuk kita belajar supaya hidup menjamin kehidupan kita pada masa hadapan. Jadi harapan saya sekolah ini selalu berkembang baik dan dalam keadaan yang baik dan biarlah ada peningkatan dalam segi pelajaran.

NN :Jadi, apa pandangan cikgu tentang pembangunan sekolah ini dari sejak penubuhan sekolah hingga ke hari ini?

CD :Bagi saya perkembangan ini begitu baiklah sebab kalau kita tengok daripada bagaimana dulu, daripada sekolah atap, daripada sekolah yang diperbuat daripada kayu-kayu bulat hasil daripada gotong royong orang kampung berkembang menjadi bangunan batu walaupun secara satu tingkat pada awalnya, bina lagi bangunan baru dua tingkat dan sekarang ini masih lagi bina lagi bangunan baru empat [4] tingkat. Jadi saya rasa ini satu pencapaian yang baiklah kerana kita telah berubah daripada bangunan lama berkayu kepada bangunan batu yang lebih moden dimana murid pun dapat belajar dengan selesa.

NN :Jadi, apakah cadangan yang cikgu boleh sumbangkan kepada sekolah untuk memastikan sekolah ini sentiasa berkembang pada masa akan datang?

CD :Saya mencadangkanlah supaya bekas pelajar pelajar disekolah ini terutamanya pelajar pelajar yang telah berjaya, berjaya dan menjadi orang yang sesetengahnya telah menjadi berberjawatan tinggi dan mempunyai sumber kewangan yang cukup supaya bantulah sekolah sekolah ini, tolonglah yang mana mana patut dan tanya khabarlah apakah keperluan sekolah ini yang perlu ada supaya pelajaran murid sekolah ini dapat ditingkatkan lagi. Dan saya juga menyerulah kepada—berharaplah bukan menyeru, berharapkan pada murid murid saya yang masih lagi belajar ini, apabila mereka telah berjaya nanti, tengoklah keadaan sekolah mereka, pandanglah balik sekolah mereka, tempat mereka belajar dan jadikanlah tempat mereka belajar ini sebagai se-orang kata suka bagi kehidupan kita. Orang kata rumahku syurgaku, kita boleh jadikan juga sekolahku syurgaku. Dimana murid murid sama samalah menyumbang kepada sekolah ini apabila mereka telah berjaya nanti.

NN :Jadi, pada pandangan cikgu, apakah bentuk pengubahsuaian bangunan yang cikgu harapkan pada sekolah?

CD :Apa yang saya harapkan ialah untuk masa hadapan bangunan ini boleh lagi ditingkatkan seperti sekolah sekolah yang berada di bandar bandar dimana bangunannya lebih canggih lagi, lebih moden lagi. Dan kita harap pun disini pun kita masih-bolehlah seperti sekolah sekolah dibandar kerana sekolah sekolah dibandar kita tengok bangunannya lebih orang kata sempurna lah daripada sekolah disini. Jadi kalau kita harap, kalau boleh lah, kalau boleh sekolah disekitar kampung-di kampung Belukar ini pun boleh seperti sekolah sekolah yang golongan sekolah sekolah elit lah sekolah bandar lagi.

MM :Pada pendapat cikgu, adakah suasana pembelajaran yang selesa, yang selesa untuk belajar? Contohnya bangunan baru kan, adakah dia dapat meningkatkan prestasi akademik mereka?

CD :Ya, saya rasa dengan adanya bangunan baru yang lebih selesa boleh menambahkan meningkatkan pencapaian akademik mereka kerana dengan bangunan baru ini, mereka belajar dalam suasana yang cukup kondusif sekali, dimana mereka terpaksa—ada kipas angin, kerusi meja yang mencukupi, lantai yang baik, tidak terlalu panas ketika musim-musim kemarau. Jadi inilah punca murid murid dapat belajar dengan baik, dengan selesa. Kalau bangunan lama, saya dapati kalau hujan sahaja berlaku kebocoran. Jadi murid murid terpaksa berpindah kesana kesini mencari kawasan yang lebih selamat. Dan juga kalau musim terlalu- kalau musim kemarau mereka belajar dengan tidak selesa lah dalam suasana yang cukup panas. Sekarang ini kalau ada sesetengah bangunan baru ini, beberapa bilik telah dilengkapi dengan penghawa dingin jadi mereka dapat belajar dengan lebih baiklah.

NN :Adakah sekolah ini pernah terlibat dengan bencana banjir besar di Kelantan beberapa tahun yang lepas?

CS :Sekolah ini, Alhamdulillah sekolah ini tidak terlibat dengan ba-banjir yang melanda pada tahun 2014 dan bahkan sekolah ini dijadikan pusat pemulihan- pusat pemindahan banjir pada masa itu kerana memandangkan tapak dibina ini ialah kawasan yang tinggi sebang-sebabnya, sebab itulah saya kata tadi, mula mula tadi tempat membina sekolah ini merupakan satu kawasan yang strategiklah sebabnya bila banjir pun tidak terlibat dengan banjir. Jadi bahkan mereka boleh menerima mangsa- mangsa banjir daripada luar untuk menetap disini sebagai pusat pemindahan banjir.

NN :Adakah cikgu rasa gembira sepanjang berada, sepanjang mengajar disekolah ini?

CD :Saya rasa itu memang sungguh gembira lah sebab saya disini pun sudah dua puluh tahun. Jadi sebab sa-se-saya rasa tidak ada sebab saya perlu keluar dari sekolah ini kerana kemudahannya boleh kita udara kita—semakin mening-semakin baik mana mana pun yang tiada kita minta daripada pihak berkuasa dan mereka pun telah bersetuju—(percakapan yang tidak jelas)—perkara yang kita minta, jadi tiada sebab untuk kita keluar dari sebab kita- tiada sebab untuk saya berpindah ke sekolah lain. Dan saya rasa cukup selesalah berada disini kerana kita pun disini mendapat kerjasama daripada ibu bapa yang sekitar ini. Jadi apa apa masalah yang kita hadapi, kita boleh selesaikan bersama.

NN :Jadi apakah pesanan yang cikgu boleh tinggalkan kepada generasi yang akan datang dalam menghargai institusi pendidikan seperti Sekolah Kebangsaan Belukar?

CD :Sakdi (Tadi) saya pun dah cerita tentang keperluan atau kepentingan kita belajar. Jadi saya bagi berharap lah, generasi akan datang yang belajar disekolah ini, generasi yang disekitar ini, cuma sama sama lah kita menggembleng tenaga memberi sumbangan. Apa yang kita rasa patut kita beri kepada pihak sekolah supaya sekolah ini dapat berkembang dengan lebih baik lagi dan juga kita harapkan orang orang yang berjaya dalam akademik terutamanya orang yang telah berjaya dalam pelajaran supaya sekali sekala datanglah ke sekolah ini, beritahu kepada pelajar pelajar sini bagaimana cara untuk berjaya, bagaimana cara seperti belajar seperti dia belajar dulu sampai dia berjaya. Dan saya pernah, dan saya pernah lalui dimana seorang doktor yang telah belajar disini datang memberi motivasi kepada pelajar pelajar sini supaya belajar dengan lebih baik. Seperti contoh, seperti dia sendiri. Kita harap beginilah apabila ada orang berjaya macam doktor ke engineer [jurutera] ke, maknanya orang orang yang be-bekerjaya lebih tinggi lagi datang kesekolah sekali sekala memberi semangat kepada budak budak sini untuk belajar dengan lebih baik. Supaya kurang kurangnya memberi kesedaran kepada mereka bahawa sekolah di Belukar ini pun walaupun jauh daripada-- sekolah perdalam--, sekolah ini dikira- jauh daripada bandar sikit, luar kawasan bandar jadi tiada ada sebab mereka tidak boleh berjaya. Dengan syarat mereka berusaha-mereka berusaha, mereka rajin, mereka akan berjaya juga lah.

NN :Okay dengan ini tamatlah sesi temubual sejarah lisan mengenai sejarah Sekolah Kebangsaan Belukar bersama Cikgu Din. Kami mengucapkan jutaan terima kasih diatas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dan juga sebagai nilai pengajaran kepada generasi sekarang dan juga generasi masa hadapan untuk sentiasa menghargai dan menjaga institusi pendidikan dinegara kita seperti sekolah sekolah dan juga universiti. Terima sekali lagi diucapkan kepada Cikgu Din kerana sudi meluangkan masa dalam menjawab soalan yang diutarakan oleh kami. Sekian, sesi temubual bagi sejarah lisan untuk subjek Oral Documentation pada tahun 2018 berakhir. Sekian terima kasih. Assalammualaikum.

CD :Waalaikummussalamwarahmatullahiwabarakatuh.

LAMPIRAN 1 : LOG WAWANCARA

Muhammad Kamarudin Bin Mat Yunus lebih mesra dikenali sebagai Cikgu Din oleh rakan guru dan juga para pelajar di Sekolah Kebangsaan Belukar. Beliau dilahirkan di Kampung Khalis, Pasir Putih, Kelantan pada 1 Ogos 1964 telah berkhidmat selama 20 tahun di Sekolah Kebangsaan Belukar, Machang, Kelantan.. Beliau merupakan anak kedua didalam keluarga beliau dan mempunyai 7 orang adik beradik.

BAHAGIAN 1 : LATAR BELAKANG PERIBADI			
NO	MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
1	2:30 PM	Dilahirkan di Kampung Khalis, Machang	Muhammad Kamarudin Bin Mat Yunus
2	2:32 PM	Beliau dilahirkan pada 1 Ogos 1964 dan merupakan anak kedua daripada 7 orang adik beradik.	Muhammad Kamarudin Bin Mat Yunus
3	2:35 PM	Ayah beliau ialah seorang petani dan telah meninggal dunia 15 tahun yang lepas	Muhammad Kamarudin Bin Mat Yunus

LATAR BELAKANG SEJARAH PENDIDIKAN

1	2:50 PM	Beliau melanjutkan pelajaran di Sekolah Menengah Gaal Kelantan dan menyambung pula di Sekolah Menengah Sultan Ismail untuk tingkatan 6	Muhammad Kamarudin Bin Mat Yunus
2	2:55PM	Penyampaian tertinggi pada peringkat sekolah menengah ialah beliau mendapat empat prinsipal bagi STPM	Muhammad Kamarudin Bin Mat Yunus
3	3.00PM	Beliau bekerja dahulu sebelum menyambung pelajaran beliau dan menyambung semula di Maktab Perguruan di Kota Bharu	Muhammad Kamarudin Bin Mat Yunus
4	3:05PM	Pengalaman beliau ialah beliau merasakan rendah diri kerana menyambung persekolahan di kawasan bandar walau bagaimanapun beliau tetap menguatkan semangat.	Muhammad Kamarudin Bin Mat Yunus
5	3:15PM	Beliau pernah mendapat anugerah 'Smart Cemerlang' sepanjang beliau mengajar di Sekolah Kebangsaan Belukar	Muhammad Kamarudin Bin Mat Yunus

SEJARAH LATAR BELAKANG DAN PEMBANGUNAN SEKOLAH KEBANGSAAN BELUKAR

1	3:20PM	Beliau menceritakan tentang kenapa pelajaran itu penting dan tentang pihak kampung yang menyedari tentang kepentingan pendidikan dan sekolah	Muhammad Kamarudin Bin Mat Yunus
2	3.30PM	Beliau menceritakan tentang Tuan Haji Ahmad Ghani yang mula mula menubuhkan satu kelas kecil yang dijadikan sebagai kelas yang kini dikenali sebagai Sekolah Kebangsaan Belukar.	Muhammad Kamarudin Bin Mat Yunus
3	3:55PM	Beliau menceritakan tentang tuan tanah yang telah memberi tapak tanah untuk dijadikan sebagai bangunan yang bernama Tuan Haji Muhammad Nor dan juga Encik Daud. Terdapat pihak lain juga yang telah terlibat.	Muhammad Kamarudin Bin Mat Yunus
4	4:05PM	Beliau menceritakan fungsi Jabatan Pelajaran Kelantan yang terlibat dalam mencari dana yang diperlukan untuk membangunkan sekolah.	Muhammad Kamarudin Bin Mat Yunus
5	4:20PM	Beliau menceritakan tentang kejadian kejadian yang pernah berlaku di Sekolah Kebangsaan Belukar dan bangunan sekolah yang telah lama tidak boleh digunakan	Muhammad Kamarudin Bin Mat Yunus
6.	4:30PM	Beliau menceritakan tentang kontraktor yang telah terlibat	Muhammad Kamarudin Bin Mat

		dalam pembinaan Sekolah Kebangsaan Belukar yang terdiri daripada Kota Bharu dan juga orang Machang sendiri.	Yunus
--	--	---	-------

LAMPIRAN 2:DIARI KAJIAN

TARIKH	MASA	PERKARA	TINDAKAN
15/09/2018	10.00 pagi	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Tugas menemuramah tokoh ▶ Menerima tugas untuk menemuramah tokoh yang mempunyai sejarah tentang bangunan lama di daerah Machang 	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Mula membuat pencarian tentang bangunan bersejarah di daerah
22/09/2018	9.00 pagi	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Perbincangan bersama ahli kumpulan ▶ Berbincang untuk memilih bangunan lama yang ada nilai sejarah di daerah Machang 	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Memilih Sekolah Kebangsaan Belukar sebagai bangunan bersejarah
30/09/2018	2.00 petang	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Menghubungi sekolah untuk kali pertama ▶ Menghubungi sekolah untuk meminta persetujuan untuk menemuramah salah seorang daripada mereka yang mempunyai pengalaman 	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Proses mendapatkan maklumat daripada kerani sekolah tentang orang yang sesuai untuk ditemuramah ▶ Mendapatkan maklumat tentang serba sedikit sejarah bangunan sekolah
09/10/2018	12.00 petang	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Menghubungi sekolah kali kedua ▶ Menetapkan tarikh untuk ke sekolah kali pertama 	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Kerani sekolah bersetuju untuk menerima lawatan kali pertama
20/10/2018	3.00 petang	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Lawatan pertama ke Sekolah Kebangsaan Belukar ▶ Menemuramah kerani sekolah untuk memilih penumubual yang sesuai mengenai sejarah bangunan 	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Berjumpa kali pertama bersama penemubual ▶ Penemubual bersetuju untuk di temuramah

		itu	
29/10/2018	10.00 pagi	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Berjumpa dengan pensyarah Madam Nurulannisa Binti Abdullah ▶ Mendapatkan khidmat nasihat, tunjuk ajar serta panduan untuk menyediakan soalan. 	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Madam Nurulannisa menyemak soalan untuk menemubual ▶ Memberi khidmat nasihat sebelum menjalankan temubual
15/10/2018	2.00 petang	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Berjumpa kali kedua bersama Cikgu Kamaruddin 	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Berbincang tentang soalan yang akan ditanya pada hari temuramah
29/10/2018	11.00 pagi	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Berjumpa dengan Dr. Ghazali Othman Ketua Penyelaras Pengajian untuk mendapatkan pengesahan 	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Mendapatkan pengesahan borang perjanjian sejarah lisan daripada Dr.Ghazali bin Othman
22/11/2018	2.00 petang	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Perjumpaan kali ketiga bersama Cikgu Kamaruddin di bilik guru Sekolah Kebangsaan Belukar ▶ Temuramah dijalankan selama 1 jam 30 minit 	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Sesi temubual bermula pada jam 2.00 petang dan berakhir pada pukul 3.30 petang
23/11/2018	10.00 pagi	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Perjumpaan bersama ahli kumpulan 	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Mula berbincang untuk membahagikan kerja dan mengedit rakaman
26/11/2018	11.00 pagi	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Perjumpaan bersama ahli kumpulan 	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Mula membuat transkrip draf pertama
29/11/2018	9.30 pagi	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Berjumpa Madam Nurulannisa untuk perbincangan 	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Mula membaiki transkrip draf pertama
30/11/2018	11.00 pagi	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Membuat perbentangan di dalam kelas selama 5 minit 	<ul style="list-style-type: none"> ▶ Persediaan untuk membentangkan perjalanan projek di dalam kelas

04/12/2018	2.00 petang	► Perjumpaan kali terakhir bersama ahli kumpulan	► Menyiapkan transkrip sebelum dihantar kepada pensyarah ► Berbincang untuk mencetak transkrip untuk dihantar kepada pensyarah
23/12/2018	2.00 petang	► Berjumpa pensyarah	Menyerahkan transkrip akhir yang telah dicetak kepada pensyarah untuk proses penjilidan transkrip dan pemarkahan

LAMPIRAN 3

SOALAN SOALAN TEMUBUAL BERSAMA CIKGU

Latar Belakang Cikgu

1. Ok boleh kita mulakan temubual kita cikgu?
2. Ok saya mulakan soalan pertama. Apakah nama penuh cikgu?
3. Apakah pekerjaan kedua ibu bapa cikgu sebelum ini?
4. Cikgu ada berapa bilangan adik beradik?
5. Bilakah cikgu dilahirkan?
6. Dimana cikgu dilahirkan?
7. Cikgu, dimanakah cikgu dibesarkan. adakah ditempat sama?
8. Dan dimanakah cikgu menetap buat masa sekarang?
9. Sebelum ini adakah cikgu pernah menetap di luar negeri kelantan?

Sejarah Pendidikan

10. Berikut adalah sejarah pendidikan cikgu sebelum ini?
11. Pada umur berapakah cikgu mula bersekolah
12. Apakah pendidikan awal cikgu mula mula? Maksudnya adakah cikgu mula bersekolah pada peringkat sekolah rendah ataupun masuk tadika?
13. Dimana cikgu sekolah menengah sebelum ini?
14. kah penyampaian tertinggi pada peringkat sekolah menengah?
15. Adakah cikgu-pada zaman persekolahan adakah cikgu seorang yang aktif?
16. Selain daripada itu?
17. Adakah apa apa aktiviti yang cikgu selalu terlibat dan pada waktu disekolah di zaman persekolah?
18. Menengah?
19. Dimanakah cikgu mula menyambung pelajaran selepas habis tamat sekolah?
20. Berapa tahun cikgu di maktab?
21. Boleh tidak cikgu ceritakan serba sedikit tentang perjalanan cikgu semasa zaman cikgu sambung belajar dulu?
22. Jadi, dimanakah cikgu menyambung pelajaran setelah tamat zaman persekolahan?
23. Apakah pengalaman yang cikgu tak dapat lupakan waktu cikgu menyambung pelajaran?

24. Pada tahun berapa cikgu berjaya menamatkan pembelajaran?
25. Bilakah cikgu mula-mula start mengajar di sekolah?
26. Mula-mula cikgu mengajar disini apa jawatan yang cikgu pegang?
27. Jawatan yang mula-mula cikgu pegang cikgu ingat tak?
28. Apakah pencapaian tertinggi yang cikgu capai pada waktu ketika itu?

Sejarah Pembangunan Sekolah Belukar

29. Okay, kita mulakan dengan sejarah latar belakang dan pembangunan Sekolah Kebangsaan Belukar ini, macam mana boleh timbul cadangan untuk menubuhkan tempat belajar bagi anak-anak kampung belukar?
30. Siapakah yang mula-mula mencadangkan untuk menubuhkan sekolah ini?
31. Beliau pegang jawatan sebagai apa?
32. Dimanakah beliau tubuhkan sekolah itu untuk anak-anak kampung?
33. Dekat mana alamat imam itu? Rumah imam itu dekat mana?
34. Maksudnya rumah itu tak ada orang?
35. Kenapa dia memilih rumah itu sebagai tempat untuk anak-anak ini belajar, untuk membina tempat tersebut?
36. Apa sejarah serba sedikit cikgu tahu berkaitan dengan Almarhun Tuan Haji Ahmad ini dalam usaha beliau untuk menubuhkan sekolah ini?
37. Adakah pelajar-pelajar yang bersekolah dekat situ pada waktu itu dia orang ini daripada kampung situ juga?
38. Bagaimana dengan kelulusan cikgu-cikgu yang boleh jadi cikgu pada ketika itu?
39. Boleh tak cikgu- -Cikgu ingat tak siapa cikgu-cikgu yang mengajar pada ketika itu?
40. Bagaimana pihak sekolah nak bayar gaji-gaji cikgu itu?
41. Cikgu ingat tak siapa guru besar yang bertanggungjawab di Sekolah Kebangsaan Belukar pada waktu itu?
42. Boleh kami tahu kenapa Sekolah Belukar terpaksa berpindah ke lokasi lain? Dan siapa yang mencadangkan usaha ini untuk berpindah di tempat lain?
43. *Tujuh puluh* [70]orang itu--?
44. Berapakah jarak, agak-agak jarak antara sekolah baru dengan sekolah lama?
45. Dimana pihak sekolah dapat sumber kewangan untuk berpindah ke- berpindah sekolah?
46. Apakah nama lain bagi Sekolah SK Belukar [Sekolah Kebangsaan Belukar] sebelum ini.?

47. Apa yang menyebabkan sekolah itu dinamakan sebagai Sekolah Nahdatul Wataniah?
48. Bagaimanakah pengurusan sekolah pada ketika itu dan siapa bertanggungjawab dalam
49. Agak-agak berapa ramai jumlah ahli jawatankuasa yang dilantik pada ketika itu?
50. Bagaimana mereka melantik ahli jawatankuasa pada ketika itu?
51. Cikgu ingat tak nama-nama dan jawatan dia orang pegang?
52. Apa skop tugas-tugas mereka dalam menguruskan dan membangunkan sekolah tersebut pada ketika itu?
53. Apa sumbangan terbesar pada sekolah pada ketika itu?sumbangan mereka?
54. Apa tujuan mereka untuk mengumpul dana daripada orang kampung dan orang-orang sekitar kampung belukar ini?
55. Jadi daripada dana itu apa hasil yang mereka dapat dalam membangunkan sekolah SK Belukar?
56. Pada tahun berapa bangunan sekolah ini mula-mula dibangunkan pada tapak yang baru?
57. Bagaimana bangunan itu dibina pada ketika itu? Adakah melalui kontraktor atau hasil kerja luar?
58. Agak-agak berapa keluasan tapak tanah untuk membina sekolah itu?
59. Kenapa cikgu tahu tak kenapa selepas sepuluh bulan murid-murid itu terpaksa berpindah ke tempat baru?
60. Adakah pada ketika itu bangunan itu secara *official*[rasmi] dia musnah?
61. Dimanakah pula murid-murid itu berpindah setelah kejadian itu berlaku?
62. Apa usaha-usaha yang dilakukan oleh ahli jawatankuasa untuk menangani masalah tersebut?
63. Jadi apa penyelesaian yang diperolehi pada akhirnya bagi membolehkan penyediaan tempat belajar yang selesa untuk murid-murid pada ketika itu?
64. Jadi pada tahun berapa bangunan sekolah itu mula-mula dibina di lokasi yang baru?
65. Agak-agak cikgu tahu tak kenapa lokasi baru untuk sekolah baru itu dipilih? Dan adakah lokasi itu dapat persetujuan daripada orang kampung ataupun ahli jawatankuasa?
66. Siapakah Tuan tanah yang telah memberi pinjam tanah-tanah tu untuk dibuat tapak bangunan kepada pihak sekolah?
67. Adakah cikgu ingat adakah sebarang perjanjian apabila tuan tanah itu memberi pinjam?

68. Apabila mereka dapat tanah itu membina bangunan itu, bangunan itu dibina menggunakan apa?
69. Jadi siapa yang terlibat dalam pembinaan pembangunan sekolah pada ketika itu?
70. Daripada mana mereka dapat sumber kelengkapan seperti meja, kerusi pada ketika itu?
71. Dengan penambahan jumlah pelajar yang semakin meningkat adakah guru-guru pada ketika itu dapat menampung jumlah pelajar?
72. Pada ketika itu, mengapa ahli jawatankuasa mahu menyerahkan sekolah ini kepada kerajaan dengan melakukan rundingan?
73. Adakah pihak sekolah pada ketika itu menerima kekangan dan bantahan daripada ibu bapa pelajar ketika itu?
74. Bagaimanakah proses penyerahan sekolah ini diberikan kepada kerajaan?
75. Jadi semua guru-guru itu akan ditetapkan ke?
76. Siapakah yang terlibat dalam urusan perundingan untuk menyerahkan sekolah tersebut?
77. Boleh tak cikgu ceritakan serba sedikit tentang hasil daripada rundingan tersebut?
78. Setelah sekolah itu berada dibawah kerajaan siapakah yang dilantik sebagai guru besar pada ketika itu?
79. Apakah perubahan yang dialami oleh sekolah setelah diambil oleh kerajaan?
80. Adakah cikgu tahu antara bentuk halangan yang dihadapi ketika usaha untuk menambah bangunan sekolah pada ketika itu?
81. Jadi apakah cara-cara yang dilakukan untuk mengatasi masalah dalam usaha untuk menambah bilangan bangunan di sekolah ini?
82. Siapakah antara yang terlibat dalam urusan untuk mendapatkan tanah untuk membina sekolah tersebut?
83. Setelah mendapat tapak tanah yang baru apakah tindakan yang selanjutnya yang dilakukan oleh pihak sekolah pada ketika itu?
84. Jadi apakah fungsi Jabatan Pelajaran Kelantan dalam membantu pembangunan sekolah itu?
85. Jadi mengapakah pembinaan pembangunan sekolah itu tidak dapat dilaksanakan?
86. Jadi mengapakah pembinaan sekolah itu tidak dapat dilaksanakan ketika itu?
87. Bagaimanakah pada tahun 1980 proses pembinaan sekolah itu dapat dilakukan semula?

88. Jadi, berapakah kelulusan bajet yang diperuntukkan bagi pembinaan bangunan bangunan baru itu?
89. Daripada manakah sumber bajet itu diperolehi?
90. Jadi, mengapakah pembinaan sekolah itu terhenti sehingga disambung semula pada September 1982?
91. Jadi, apakah usaha lain yang dilakukan bagi menampung bilangan murid yang semakin bertambah pada tahun 1986?
92. Adakah terdapat penambahan bangunan baru di sekolah ini? Kalau ada apakah kepentingan bangunan tersebut?
93. Daripada manakah sumber bajet itu diperolehi?
94. Jadi, mengapakah pembinaan sekolah itu terhenti sehingga disambung semula pada September 1982?
95. Jadi, apakah usaha lain yang dilakukan bagi menampung bilangan murid yang semakin bertambah pada tahun 1986?
96. Adakah terdapat penambahan bangunan baru di sekolah ini? Kalau ada apakah kepentingan bangunan tersebut?
97. Adakah terdapat penambahan bangunan baru di sekolah ini? Kalau ada apakah kepentingan bangunan tersebut?
98. Siapakah antara yang terlibat dalam urusan untuk mendapatkan tanah untuk membina sekolah tersebut?
99. Setelah mendapat tapak tanah yang baru apakah tindakan yang selanjutnya yang dilakukan oleh pihak sekolah pada ketika itu?
100. Jadi apakah fungsi Jabatan Pelajaran Kelantan dalam membantu pembangunan sekolah itu?
101. Jadi adakah terdapat penambahan bangunan baru disekolah ini? Jadi kalau ada, apakah kepentingan bangunan tersebut?
102. Jadi adakah cikgu ingat bilakah bangunan itu dijangka siap dan boleh mula diduduki oleh pelajar?
103. Jadi sepanjang cikgu berkhidmat bangunan manakah yang paling lama dibina disekolah ini dan apa fungsi bangunan tersebut?
104. Jadi sepanjang cikgu berkhidmat berapakah jumlah keseluruhan bangunan yang ada pada ketika itu?
105. Jadi mengapakah bangunan itu tidak selamat digunakan?

106. Jadi, boleh tak cikgu ceritakan maklumat kontraktor-kontraktor yang terlibat dalam usaha untuk menambahkan bangunan ini?
107. Agak-agak berapa ramai jumlah kontraktor yang terlibat pada ketika itu?
108. Boleh tak cikgu kongsi peristiwa peristiwa penting lain yang telah berlaku pada bangunan di Sekolah Belukar ini?
109. Selain daripada itu adakah peristiwa peristiwa lain yang pernah berlaku?
110. Jadi selepas berlakunya peristiwa peristiwa seperti yang cikgu nyatakan, apakah usaha yang dilakukan oleh pihak sekolah untuk membaiki kerosakkan bangunan tersebut?
111. Jadi bagaimanakah keadaan sekolah ini, pada mula mula cikgu mengajar disini?
112. Dulu satu kelas berapa orang pelajar?
113. Jadi, pada ketika itu berapa jumlah guru guru disekolah itu?
114. Adakah segala kelengkapan sekolah dan juga kelas untuk pelajar sekolah ini mencukupi? Atau bagaimana suasana pengajaran dan juga pembelajaran pada ketika itu?
115. Adakah pihak sekolah ini mendapat sumber kelengkapan dari sumber lain selain daripada sumber kerajaan?
116. Contoh pihak luar yang memberi yang membantu memberikan sumbangan itu?
117. Jadi selalunya, bagaimanakah cadangan untuk penumbuhan bangunan baru bagi Sekolah Kebangsaan Belukar dilakukan pada sekarang?
118. Jadi biasanya berapa lama masa yang diambil untuk dapat keputusan daripada pihak kerajaan?
119. Jadi, boleh tak cikgu menceritakan pengalaman cikgu dalam usaha untuk mencadangkan dan menambahkan bangunan di kawasan Sekolah Kebangsaan Belukar ini?
120. Pada ketika itu, bangunan manakah cikgu mencadangkan untuk menambah?
121. Jadi, kenapakah cikgu mencadangkan untuk bangunan tersebut dibina di sekolah ini?
122. Jadi pada ketika ini, berapakah jumlah tenaga pengajar disekolah ini? Dan berapa jumlah pelajar ketika ini?
123. Pelajar pelajar itu terdiri daripada kawasan Machang ini juga ke?
124. Jadi pada ketika ini, adakah masih wujud lagi bangunan kayu ?
125. Adakah bangunan untuk pra sekolah itu ada lama dah?
126. Jadi, adakah bangunan pra sekolah ini dah mula ada pada awal awal dulu?
127. Mengenai isu tanah, bagaimanakah pula isu tanah yang belum diselesaikan? Adakah berlaku sebarang tuntutan daripada tuan tanah sehingga hari ini?

128. Cikgu agak agak bila boleh dapat kata putus itu?
129. Jadi adakah bukti yang menunjukkan tanah ini adalah milik masih lagi milik arwah ayah dia ataupun milik kerajaan?

Harapan dan Cadangan

130. Okay. Mengenai harapan dan pendapat cikgu. Pada pendapat cikgu, apakah punca punca menyebabkan berlakunya kekaburan tentang sejarah lama disekolah ini?
131. Pada pendapat cikgu, penting ke untuk setiap sejarah itu dicatat?
132. Jadi, apakah pendapat cikgu dalam bagaimana caranya orang zaman dulu membina sekolah untuk pelajar?
133. Jadi, apakah perubahan yang paling ketara dalam pembangunan disekolah ini sepanjang cikgu berada disini?
134. Jadi, pada pendapat cikgu apa yang perlu pelajar dan pihak sekolah perlu lakukan supaya bangunan sekolah ini sentiasa terpelihara supaya tahan lama dan kukuh untuk kegunaan masa hadapan.
135. Jadi, harapan cikgu sendiri terhadap sekolah ini untuk generasi akan datang?
136. Jadi, apa pandangan cikgu tentang pembangunan sekolah ini dari sejak penubuhan sekolah hingga ke hari ini?
137. Jadi, apakah cadangan yang cikgu boleh sumbangkan kepada sekolah untuk memastikan sekolah ini sentiasa berkembang pada masa akan datang?
138. Jadi, pada pandangan cikgu, apakah bentuk pengubahsuaian bangunan yang cikgu harapkan pada sekolah?
139. Pada pendapat cikgu, adakah suasana pembelajaran yang selesa, yang selesa untuk belajar? Contohnya bangunan baru kan, adakah dia dapat meningkatkan prestasi akademik mereka?
140. Adakah sekolah ini pernah terlibat dengan bencana banjir besar di Kelantan beberapa tahun yang lepas?
141. Adakah cikgu rasa gembira sepanjang berada, sepanjang mengajar disekolah ini?
142. Jadi apakah pesanan yang cikgu boleh tinggalkan kepada generasi yang akan datang dalam menghargai institusi pendidikan seperti Sekolah Kebangsaan Belukar?



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA


Kelantan

PERJANJIAN MENGENAI SEJARAH LISAN

Syarat-syarat mengenai wawancara yang telah diadakan antara Universiti Teknologi MARA dengan MUHAMMAD KAMARUDIN B. MAT. YUNUS Pada 22 NOVEMBER 2018

1. Pita rakaman hasil wawancara yang tersebut di atas adalah diserahkan kepada Universiti Teknologi MARA untuk disimpan buat selama-lamanya.
2. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA akan mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu untuk memelihara pita rakaman ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip pita rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh pengkisah (interviewee).
4. Pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negeri yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah tanpa syarat-syarat / dengan syarat: -
Apabila petikan diambil dari pita rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll. sumbernya hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.
5. Adalah dipersetujui bahawa pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada penyelidik-penyelidik dalam dan luar negeri mulai dari (tarikh).
Dipersetujui pada oleh kedua pihak yang berkenaan.


.....
Pengkisah (Tokoh)


.....
Prof. Madya Dr. Hj. Ghazali Osman,
Ketua Pusat Pengajian
Fakulti Pengurusan Maklumat, Fakulti
Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi
& Fakulti Undang-Undang
UiTM Cawangan Kelantan
Kampus Machang

LAMPIRAN 5



INDEXS

Tuan Haji Ahmad Ghani	11.12, 16.12, 16.48, 21.41
Imam Tua	11.28
Stor padi	17.17, 17.20, 17.28, 17.36, 18.09, 27.00
Jepun	17.31
Pungutan	19.10
Derma	19.20
Sekolah Nahdatul	19.33, 19.55
Wataniah	
Sekolah arab	19.51, 20.09
Jawatankuasa	20.23, 20.27, 20.39, 20.44, 20.54
Dana	23.32, 23.57, 24.01
Derma	23.32, 23.57, 24.01
Ketua Jajahan	
Machang	27.12
Tapak tanah	31.05
Belukar	67.26, 67.38
Bangunan kayu	67.46, 67.48
Zink	67.58, 68.03
Pra terbilang	68.35, 68.40, 68.45, 68.48, 69.00
Isu tanah	69.34, 69.42, 69.55
Jabatan ukur	70.17, 70.22, 71.22, 72.33
Pejabat tanah	71.29
jajahan machang	
Geran sekolah	72.08

BIODATA TOKOH



Nama : Mohammad Kamarudin Bin Mat Yunus
Umur : 54 Tahun
Tarikh Lahir : 1 Ogos 1964
Tempat Lahir : Kampung Khalis Pasir Putih Kelantan
Negeri Kelahiran : Kelantan

Education

Primary education : Sekolah Kebangsaan Perkampungan
Secondary Education : Sekolah Menengah Gaal, Kelantan
Higher Education : Tingkatan Enam atas dan Enam bawah di Sekolah Menengah Sultan Ismail
: Maktab Perguruan Kota Bharu, Kelantan